



SELANGOR 



**PEMBANGUNAN
BERKUALITI
RAKYAT DIPEDULI**

***Salam
Eidul
Fitri***

**KEMENANGAN
FITRAH,
PENYATUAN
UMMAH**



YAB MOHAMED AZMIN ALI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahitaala wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Kita telah sampai kepada hari-hari penghujung Ramadhan yang mulia. Kita telah bersamasama melaksanakan Jihad Al-Akbar seperti yang disebutkan oleh Rasulullah SAW kepada para sahabat tatkala pulang dari perang Badar yang berlaku dalam bulan Ramadhan: “Kamu pulang dari Jihad Al-Asghar, jihad kecil, kepada Jihad Al-Akbar, jihad yang lebih besar.” Sahabat-sahabat Baginda bertanya, “Apakah itu Jihad Al-Akbar?” Jawab baginda, “Jihad melawan hawa nafsu.”

Nafsu amarah, nafsu serakah, egoisme adalah penyakit yang menghinggapi manusia, individu mahupun kolektif. Nafsu amarah mencipta sengketa, perbalahan, peperangan dan pertumpahan darah dan penindasan di sana sini. Akibat dari nafsu serakah, dunia dan kelangsungan manusia diancam oleh perubahan iklim. Negara berada dijurang kemuffisan kerana segelintir manusia menjadi hamba nafsu serakah. Wang rakyat dijadikan wang sendiri. Dan egoisme menyempitkan dada manusia dari melihat kebajikan rakyat yang lebih utama dan luas.

Maka Ramadhan adalah Madrasah Ruhiyah, bulan penyucian diri dari penyakit hati, memerangi hawa nafsu dan ego. Jihad Ma'nawi ini pastinya akan membawa keberkatan dan kerahmatan kepada umat Islam dan umat manusia keseluruhannya. Hari ini istilah “jihad” dikelirukan. Golongan militan yang membunuh manusia tidak berdos, Islam dan bukan Islam, mendakwa mereka melaksanakan jihad. Kekeliruan ini ditambah oleh media antarabangsa yang menggelarkan penganas Islam sebagai “jihadist”.

Kehidupan insan adalah satu perjuangan yang punya marhalah-marhalah atau tingkat-tingkatnya. Imam Ibnul Qayyim ketika memperkatakan tentang marhalah-marhalah ini, memulakannya dengan jihad melawan nafsu untuk mempelajari kebenaran, kemudian jihad bermal dengannya, kemudian jihad bersabar di atas bebanan amal tersebut. Semua ini dikira sebagai jihad. Mana-mana kekurangan pada marhalah-marhalah ini atau tergopoh-gapah kadang-kadang tidak membawa kepada amal yang dituntut.

Alhamdulillah dalam Ramadhan Al-Mubarak ini saya bertuah dapat mengiringi DYMM Tuanku Sultan Selangor menjelajah masjid-masjid ke seluruh pelusuk Negeri bagi menjalani pelbagai kegiatan amal seperti memberi bantuan kepada anak-anak yatim dan fakir miskin, iftar serta solat tarawih bersama rakyat jelata. Inisiatif DYMM Tuanku telah memberikan dorongan kepada pengurusan masjid untuk meningkatkan kegiatan ibadah, ilmu dan kebajikan dalam kerangka melaksanakan Jihad Ma'nawi untuk mencapai keberkatan kepada rakyat dan solidariti sesama manusia.

Dengan semangat ini, Kerajaan Negeri Selangor melihat setiap usaha untuk merencanakan pembangunan berkualiti dan membela nasib rakyat sebagai Jihad Ma'nawi. Dan inisiatif DYMM Tuanku menemui rakyat perlu dicontohi oleh semua peringkat kepimpinan agar sentiasa mendampingi rakyat dan tidak mencipta jarak antara pemimpin dengan rakyat.

Kita juga perlu mengambil iktibar dari keperibadian dan susuk kepimpinan Khalifah Umar Al-Khat-tab. Tarikh al-Tabari melaporkan Khalifah Umar berkata: “Apabila saya berada dalam kedudukan yang selesa, tetapi rakyat sukar menemui saya; maka saya terus turun ke tempat yang sama taraf dengan rakyatku.”

Dalam pemerintahan Khalifah Umar, Negara Islam berkembang pesat di Timur Tengah, menakluki

Syria, Iraq dan Mesir. Tarikh al-Tabari melaporkan hasrat Umar untuk menjelajah segenap pelusuk negara menemui rakyatnya: “Jika saya hidup, Insha Allah, saya akan berjalan sepanjang tahun untuk menemui rakyat. Gabenor-Gabenor tidak perlu memberi tahu saya dan mereka juga tidak perlu datang menemui saya. Saya akan pergi ke Syam (Syria) dan akan duduk di sana selama dua bulan. Kemudian saya akan pergi ke Jazirah (Iraq) dan duduk di sana selama dua bulan. Kemudian saya akan ke Mesir dan duduk di sana selama dua bulan. Kemudian saya akan pergi ke Bahrain dan duduk di sana dua bulan. Kemudian saya akan pergi ke Kufah dan duduk di sana dua bulan. Kemudian saya akan pergi ke Basrah dan duduk di sana dua bulan. Alangkah bagusnya tahun itu.”

Dengan mendampingi rakyat kita dapat menyelami harapan, hasrat dan permasalahan mereka. Dengan memahami hasrat dan permasalahan mereka barulah kita dapat merangka kebijakan dan dasar yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan mereka. Pemimpin tidak boleh bersikap angkuh bahawa mereka tahu segala-galanya hanya dengan membaca berita dan laporan dari pegawai. Gejala putus hubungan atau disconnect dari rakyat sudah barang pasti akan menggasir keberkesanan kerajaan dalam menjalankan amanah rakyat. Sebaliknya dengan berusaha mendampingi rakyat, memerah daya fikiran untuk membela nasib mereka, Insha Allah, kita akan diberikan petunjuk, seperti firman Allah SWT: “Mereka yang berjuang ke jalan Kami, nescaya Kami akan tunjukkan jalan-jalan Kami. Sesungguhnya Tuhan beserta dengan orang-orang yang berbuat baik.” (Surah Al- Ankabut : Ayat 69).

Tatkala kita menjalankan ibadah puasa kita tidak boleh melupakan saudara-saudara kita; umat Islam Rohingya yang melarikan diri dari negara mereka akibat penindasan agama; umat Islam Uighur di Cina yang dihaling berpuasa, lebih dari 150,000 mengharungi Lautan Mediterranean untuk mencari perlindungan di Eropah akibat kekacauan di negara-negara mereka. Perang di Yemen, perang saudara di Syria dan pertempuran dengan ISIS terus meragut nyawa umat Islam, kemusnahan harta benda dan menyebabkan penderitaan tak terkira kepada, kanak-kanak, wanita dan orang tua.

Dekad-dekad terakhir ini merupakan zaman gelap di dunia Islam sejak runtuhnya Empayar Uthmaniyah 100 tahun lalu. Beberapa negara Islam di bom, kedaulatan negara diceroboh dan ditakluki oleh kuasa besar. Arab Spring, kebangkitan rakyat menjatuhkan pemerintahan kuku besi di Timur Tengah dipatahkan dengan rampasan kuasa di Mesir dan perang saudara di Syria dan Libya. Ketiadaan perpaduan di kalangan negara-negara Islam untuk mewujudkan dialog ke arah penyelesaian sengketa mengakibatkan dunia Islam berantakan dan beberapa negara Islam menjadi boneka kepada kuasa besar asing.

Ulama dari pelbagai mazhab dan cendekiawan dunia Islam telah berusaha untuk mencari jalan membanteras keganasan dan persengketaan yang terbit akibat perbezaan mazhab dengan menghasilkan Pesanan Amman. Pesanan tersebut, hasil dari Inisiatif Raja Jordan, Raja Abdullah Kedua perlu diberikan perhatian serius dan wajar disebarluaskan ke segenap lapisan umat.

Kita bersyukur kerana dalam masa dunia Islam dilanda perang dan sengketa, umat Islam di Asia Tenggara terus hidup dalam suasana aman dan tenteram serta dapat memberikan tumpuan kepada pembangunan ekonomi, sosial dan pendidikan. Namun kita juga masih menghadapi cabaran. Kita berhadapan dengan isu pelarian Rohingya dan percubaan ISIS yang cuba melebarkan sayapnya ke rantau ini. Justeru itu usaha Nahdlatul Ulama, yang mendapat dukungan dari Presiden Jokowi, mengemukakan konsep Islam Nusantara boleh memban-

gun citra Islam yang lebih lunak, yang sehati dengan budaya dan sejarah dakwah Islam di rantau ini sejak dari zaman kedatangan Islam secara aman.

Meskipun umat Islam Asia Tenggara belum pernah mencipta tamadun yang gemilang seperti yang pernah dicapai oleh Bani Abbasiah yang berpusat di Baghdad, Andalusia, Uthmaniah, Mughal di India dan Safawi di Iran, namun umat Islam Asia Tenggara telah berjaya membina pembangunan secara kumulatif sejak pasca Perang Dunia Kedua. Dari segi jumlah penduduk Islam, Asia Tenggara merupakan rantau terbesar dunia Islam namun sehingga kini rantau ini masih dilihat sebagai rantau pinggiran atau periphery. Dengan kerancakan ekonomi, pembangunan sosial dan pendidikan, umat Islam rantau ini berpotensi berubah dari pinggir menjadi paksi.

Bagi Malaysia, Indonesia dan rantau ini keseluruhannya menjadi paksi kepada dunia Islam kita perlu memberikan keutamaan kepada membangun demokrasi yang menyelesaikan masalah rakyat, melaksanakan pembangunan berkualiti, membina institusi-institusi pendidikan dan penyelidikan untuk melahirkan insan berilmu dan berketrampilan. Negara majoriti Islam rantau ini perlu memupuk muafakat moral untuk memainkan peranan yang bermakna dalam isu-isu antarabangsa, persoalan perdamaian dan penghapusan konflik.

Namun keberkesanan peranan negara seperti Malaysia dalam arena antarabangsa amat bergantung kepada modal moral yang kita miliki. Modal ini diperolehi melalui demokrasi yang telus dan kewibawaan pemimpin negara yang bebas dari tohmahan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Sekiranya institusi-institusi demokrasi, sistem check and balance, kewibawaan institusi mahkamah, polis dan pejabat peguam negara. Justeru itu rakyat perlu bangkit untuk menuntut reformasi institusi-institusi negara dan membersihkan negara dari pemimpin rasuah. Hanya dengan cara ini kita boleh mengembalikan maruah negara dan memiliki kekuatan moral untuk memainkan peranan di pentas dunia.

Di kesempatan ini, mengambil kesempatan Ramadhan Al-Mubarak saya ingin mengemukakan bahawa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah berjaya memuktamadkan Penstrukturan Semula Industri Air Selangor dengan termeterainya Perjanjian Tambahan di antara kedua-dua Kerajaan Negeri dan Persekutuan menerusi Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pada 10 Julai 2015. Perjanjian ini merupakan satu mercutanda yang akan memastikan kelangsungan kepada ekonomi dan sosial rakyat Negeri Selangor.

Perjanjian ini sangat penting kerana air merupakan talian hayat kepada kehidupan rakyat dan industri. Mereka, penghuni rumah dan pengguna industri, berhak menerima bekalan air berkualiti dan tanpa gangguan. Sebagai negeri yang paling pesat membangun, Selangor menghadapi peningkatan cabaran dalam membekalkan air akibat peningkatan penduduk dan kepesatan pembangunan industri. Dengan perjanjian ini, Selangor akan mengambil alih keseluruhan industri air di Selangor untuk manfaat rakyat.

Akhirnya, setelah menjalani tarbiah Ramadhan selama sebulan saya mendoakan Allah SWT memberikan kita kekuatan dan keikhlasan untuk melipatgandakan usaha dan amal yang membawa kemakmuran kepada semua. Setelah menjalani Jihad Al-Akbar marilah kita merayakan fitrah insani yang dipenuhi dengan sifat-sifat kemuliaan yang dikurniakan Allah SWT.

Eid Mubarak.

MOHAMED AZMIN ALI
YAB Dato' Menteri Besar Selangor

Ucapan Hari Raya Exco Selangor

Ingatan tulus ikhlas. Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin dengan doa supaya Selangor berada dalam keadaan stabil juga sejahtera.

DATUK TENG CHANG KHIM
Exco Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, Industri Kecil & Sederhana (IKS) dan Pengangkutan



Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua rakyat Selangor. Selamat pulang ke kampung halaman masing-masing. Salam buat semua keluarga dan rakan-rakan yang meraiikannya.

ELIZABETH WONG KEAT PING
Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna



Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh rakyat Selangor. Semoga hari lebaran ini akan memberi natijah terbaik selepas melalui pentarbiahan Ramadan al-Mubarak. Diharapkan sambutan kali ini akan diraikan dengan penuh ketaqwaan.

DATUK DR AHMAD YUNUS HAIRI
Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi



Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua warga Selangor dengan pesanan berhati-hati memandu kepada sesiapa yang akan pulang ke kampung halaman.

GANABATIRAU A/L VERAMAN
Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang



Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf zahir batin kepada rakyat Selangor khususnya generasi muda, penggiat sukan, usahawan dan pengundi DUN Batu Caves. Semoga perayaan tahun ini memberi kegembiraan kepada kita semua.

AMIRUDIN SHARI
Exco Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan



Selamat Menyambut Hari Raya Aifilfitri. Semoga selamat perjalanan balik ke kampung. Hati-hati bila memandu

HANNAH YEOH
Speaker DUN



Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam terutama yang berada di Selangor. Dalam kesempatan ini, saya berharap supaya ikatan silaturrahim dapat dieratkan bukan hanya sesama muslim, tetapi seluruh masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama untuk kesejahteraan negeri.

DATUK ISKANDAR ABDUL SAMAD
Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga Selangor yang meraiikannya. Kepada mereka yang pulang ke kampung, pandulah berhati-hati dan sentiasa menjaga keselamatan diri.

EAN YONG HIAN WAH
Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat Selangor. Semoga sambutan kali ini diraikan dengan penuh kemeriahan dan sentiasa berjimat-cermat dalam berbelanja supaya tidak terbelenggu dengan beban hutang. Maaf zahir dan batin.

DR DAROYAH ALWI
Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga

Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua muslimin dan muslimat di Selangor. Semoga semua dapat meraikan hari mulia ini dengan penuh gembira bersama sanak saudara dan sahabat handai.

NIK NAZMI NIK AHMAD
Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat Selangor. Dalam kemeriahan menyambut Syawal, kita diingatkan supaya berjimat-cermat menggunakan air dan sentiasa mamamalkan sikap sederhana. Maaf zahir dan batin.

ZAIDY ABDUL TALIB
Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani

Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua muslimin dan muslimat. Marilah kita bermaaf-maafan. Tingkatkan prestasi, elakkan kontroversi.

SHAFIE NGAH
Timbalan Speaker DUN





Penstrukturan air

Milik rakyat Selangor!

Dalam proses ini ada 'consultation' dan 'negotiation' dengan kedua-dua pihak mempertahankan pandangan masing-masing. Namun, akhirnya berjaya melihat kerangka besar untuk memastikan isu air diselesaikan secara baik.

- Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali

● Perjanjian tambahan 10 Julai 2015

● Kejayaan bersejarah selepas 10 bulan

● Pengurusan bekalan air lebih lancar

LAPORAN LANJUT DI MUKA 2

Semua Exco turun padang

Semua jawatankuasa tetap negeri akan menerangkan program mereka berkenaan anti dadah kepada masyarakat. Saya rasa ini lebih baik daripada meletakkan sejumlah wang kepada badan tertentu kerana kali ini kita menggerakannya sendiri

BERITA DI MUKA 4

Penjawat awam puji keprihatinan

Saya sarankan Kerajaan Persekutuan lebih bertimbang rasa dalam pemberian bantuan raya. Pandang dan dengarlah suara rakyat kerana kami berhak dapat lebih setimpal dengan kadar GST

BERITA DI MUKA 5

Amalan standard antarabangsa

Seingat saya, belum ada ketua negara lain berhadapan tuduhan memasukkan dana awam ke dalam akaun peribadi seperti yang berlaku ke atas Datuk Seri Najib Razak. Tetapi, dah jadi amalan standard di peringkat antarabangsa iaitu individu dituduh pecah amanah kena bercuti

BERITA DI MUKA 6

Laman PKNS mesra pengguna dan alam sekitar

Idea konsep bangunan ini diambil daripada paya bakau dan kunang-kunang. Elemen ini kita jadikan inspirasi dalam reka bentuknya yang kini sudah siap 65 peratus

BERITA DI MUKA 7

LZS sasar institusi zakat terbaik dunia

Bila saya berkhidmat di sini, programnya sangat banyak tetapi kita tidak berkomunikasi dengan masyarakat hingga mereka tidak tahu bagaimana duit itu diagihkan.

TEMU BUAL EKSKLUSIF BERSAMA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LZS, HUSSIN MOHD ALI
DI MUKA 8 & 9

MENCUIT HATI...

Ada sesuatu yang menarik perhatian Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali; Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri KeTTHA, Datuk Seri Maximus Ongkili sehingga mereka ketawa pada majlis perjanjian tambahan penstrukturan air Selangor di Putrajaya



Gambar oleh Asrie Sapffe

Pengurusan bekalan air lancar

OLEH HAFIZAN TAIB

PUTRAJAYA - Pengurusan perkhidmatan bekalan air di Selangor akan dipastikan berjalan lancar bagi memenuhi keperluan pengguna di seluruh kawasan terbabit.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata perjanjian juga penyelesaian yang ter-

terai antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan berhubung perkara itu membolehkan ia dilaksanakan dengan baik.

"Kita melahirkan rasa syukur dengan termeterainya perjanjian tambahan berkenaan penstrukturan bekalan air ini.

"Tugas Kerajaan Negeri selepas ini adalah memastikan pengurusan air berjalan dengan

baik," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 10 Julai lalu.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman penstrukturan itu yang diketuai diketuai Ketua Setiausaha KeTTHA, Datuk Loo Took Gee dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammad Khusrin Munawi dengan disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyid-

din Yassin dan Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali.

Katanya, penyelesaian perkara itu adalah berkat kerjasama ditunjukkan Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang mengutamakan keperluan rakyat.

"Di atas semangat ini, maka kita dapat menyelesaikan masalah yang berlanjutan sekian lama," katanya.

Penstrukturan industri air

Shah Alam dan Putrajaya akhirnya bersetuju

OLEH HAFIZAN TAIB

PUTRAJAYA - Kerajaan Negeri dan Persekutuan berjaya memuktamadkan penstrukturan semula industri air di Lembah Klang melalui perjanjian tambahan yang ditandatangani antara kedua-dua pihak, di sini, pada 10 Julai lalu.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan khasnya Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) di atas keputusan yang dicapai itu.

"Kejayaan ini adalah hasil kerja kuat kedua-dua pihak diketuai menteri sendiri, Datuk Seri Maximus Ongkili.

"Memang benar dalam proses rundingan kita ada 'consultation' dan 'negotiation' dengan kedua-dua pihak mempertahankan

pandangan masing-masing.

"Namun, kita berjaya melihat kerangka besar untuk memastikan industri ini dapat diselesaikan secara baik," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian itu.

Majlis terbabit diketuai Ketua Setiusaha KeTTHA, Datuk Loo Took Gee dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammad Khusrin Munawi dengan disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Mohamed Azmin, barisan pengarah kementerian dan Exco Kerajaan Negeri.

Mohamed Azmin berkata, persefahaman yang dicapai itu adalah kejayaan bersejarah bagi kedua-dua pihak selepas berlangsung hampir 10 bulan.

Katanya, Kerajaan Negeri mempunyai tempoh 60 hari



bagi perbincangan dengan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk memuktamadkan perjanjian fasilitis berdasarkan pelan perjanjian, pada 12 Sep-

tember 2014.

"Saya yakin dengan kerjasama baik, perkara ini dapat diselesaikan segera supaya aset Kerajaan Negeri dapat dipin-

dahkan kepada PAAB dalam tempoh ditetapkan.

"Selain itu, pembayaran dapat dibuat kepada ketiga-tiga syarikat berkenaan," katanya.

TINJAUAN PESERTA

Rakyat Selangor lega dan menyambut baik kejayaan memuktamadkan penstrukturan industri air Selangor antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kejayaan itu dilihat mampu membuka dimensi baru mutu perkhidmatan bekalan air di Lembah Klang dan hubungan dua hala kedua-dua pihak.

Kita sebagai manusia memang tak dapat halang kuasa tuhan kalau Dia mahukan kemarau panjang. Namun, kita boleh ikhtiar supaya bekalan air untuk keperluan mencukupi. Di harap tiada pihak mempolitikkan isu ini untuk kepentingan mereka. Tingkatkan kerjasama sebab ia melibatkan keperluan asas rakyat



Mohd Ali Lateh,
penyelia syarikat keselamatan 47



Saya kira syarikat konsesi dah raih keuntungan cukup besar selama mereka menguruskan air, jadi saya rasa cukuplah. Dah sampai masa hak air dikembalikan kepada rakyat Selangor sendiri

Abdul Jalil Ismail,
Kakitangan pengurusan kewangan, 26

Semoga pihak bertanggungjawab dapat mempercepatkan langkah menambah kapasiti termasuk projek Langat 2 dan mengatasi isu air tidak berhasil (NRW)



Mohd Hafiz Ramli
Kakitangan pengiklanan, 25

Jamin kelangsungan bekalan

PUTRAJAYA - Penstrukturan semula industri air Selangor mampu dimuktamadkan segera dengan komitmen semua pihak demi menjamin kelangsungan bekalan air kepada rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata beliau menyambut baik langkah perjanjian tambahan kepada perjanjian utama penstrukturan bekalan air terbabit.

"Saya bersyukur dengan perkembangan ini. Ia hadiah besar kepada rakyat Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terutama sempena Aidilfitri yang bakal menjelang tidak

lama lagi," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Menangani Isu-Isu Air Selangor, berkata pihak berkaitan mempunyai tempoh 60 hari untuk menyelesaikan CPs kepada perjanjian utama dengan termeterainya perjanjian tambahan itu.

Katanya, perjanjian utama dan jual beli saham Puncak Niaga Holding Berhad (Puncak Niaga) akan dikuatkuasa bagi membolehkan Air Selangor mengambilalih Puncak Niaga dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) apabila ia dipenuhi.

"Saya yakin Dato' Menteri Be-

sar akan mengotakan janji untuk memberi semua kelulusan yang diperlukan bagi meneruskan pelaksanaan projek loji rawatan air Langat 2.

"Walaupun mengalami kelewatan dan dijangka hanya dapat beroperasi sepenuhnya pada 2019, saya minta semua pihak mencari jalan mempercepatkannya supaya boleh disiapkan lebih awal.

"Saya juga berharap rakyat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bersabar sedikit dengan masalah bekalan air sehingga tindakan jangka panjang untuk membina loji itu selesai," katanya.

FOMCA sambut baik perjanjian tambahan

SHAH ALAM - Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menyambut baik usaha memuktamadkan penstrukturan industri air Selangor bagi kepentingan rakyat di negeri itu.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata ia sekali gus meleraikan isu yang

sudah berlarutan sejak sekian lama terutama kebimbangan berkenaan krisis bekalan.

"Selagi penstrukturan air tidak dimuktamadkan, ia akan menimbulkan pelbagai masalah antaranya krisis bekalan yang dibimbangi akan berlaku.

"Kalau persediaan tak dibuat disebabkan kegagalan memuk-

tamadkan perjanjian, maka usaha untuk memastikan kelangsungan bekalan air di Selangor akan terjejas," katanya kepada Selangor Kini.

Yusof berkata, kejayaan itu juga akan memudahkan usaha pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 termasuk pembangunan di Selangor.

MAJLIS RUMAH TERBUKA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA EIDUL FITR PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2015



19 JULAI 2015 (AHAD)
10.00 PAGI HINGGA 3.00 PETANG
PERKARANGAN STADIUM SHAH ALAM

YAB MOHAMED AZMIN ALI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

SEMUA DIJEMPUT HADIR

PENGANGKUTAN BAS KE LOKASI MAJLIS DISEDIAKAN DI
STESAN KOMUTER BATU 3 DAN SEKSYEN 19, SHAH ALAM



MBI bawa nama Selangor ke antarabangsa

WARSAW - Misi kemanusiaan Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) yang menerjah ke beberapa lokasi di luar negara membuka ruang membawa nama negeri itu ke persada antarabangsa.

Ketua Pegawai Tanggungjawab Sosial dan Korporat, Mohd Jaafarudin Md Ali, berkata dua lokasi sudah dikunjungi delegasi terbabit dalam menyampaikan kebajikan untuk umat Islam iaitu Nepal dan Poland.

"Alhamdulillah, sesuai dengan pentadbiran Dato' Menteri Besar Selangor, kita bukan sahaja menumpukan soal kebajikan dan kepedulian untuk rakyat negeri ini sahaja tetapi skop kebajikan diperluas ke peringkat antarabangsa," katanya kepada Selangor Kini.

Katanya, ketika Misi Bantuan Kebajikan

Pelarian Chechnya di Poland yang berlangsung selama enam hari bermula 3 hingga 8 Julai lalu.

Jaafarudin berkata, peluang melaksanakan tanggungjawab kebajikan terhadap umat Islam di Poland khususnya bangsa Chechnya menunjukkan tiada yang mustahil dalam menyebarkan kebajikan walaupun berdepan cabaran.

"Sebenarnya, kita fokus kepada asnaf yang memerlukan bantuan dalam Selangor tetapi pada sama turut memberi perhatian pada golongan lain yang memerlukan.

Delegasi rombongan yang turut disertai Muslim Care berjaya menyelami keperitan yang dilalui umat Islam Chechnya dengan lebih dekat.

Kempen perangi dadah lebih meluas

Semua Exco turun padang

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mengambil jalan proaktif dalam menangani gejala dadah dengan melibatkan semua Exco negeri itu menjelang 2016.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata langkah itu diambil supaya kempen memerangi gejala perosak bangsa itu dapat dijalankan dengan lebih meluas.

"Semua jawatankuasa tetap negeri akan menerangkan program mereka berkenaan anti dadah kepada masyarakat. Saya rasa ini lebih baik daripada meletakkan sejumlah wang kepada badan tertentu kerana kali ini kita menggerakkannya sendiri.

"Saya percaya kerjasama semua agensi dan badan bertindak baik kerajaan atau badan bukan kerajaan mampu menangani persoalan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Orang Kena Perhatian (OKP) di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar Selangor, di sini, pada 8 Julai lalu.

"Saya percaya kerjasama semua agensi dan badan bertindak baik kerajaan atau badan bukan kerajaan mampu menangani persoalan ini"

AMIRUDDIN SHARI
Exco Pembangunan
Generasi Muda

Sehubungan itu, Amiruddin yang juga Pengerusi Pemadam Selangor berkata, bekas penagih perlu dilibatkan dalam usaha itu memandangkan pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki mampu memberi kesan besar dalam program terbabit.

Amiruddin turut menggesa semua pihak memikirkan kaedah baru lebih berkesan dengan mendekati golongan berisiko tinggi untuk terjebak dengan najis itu.

Hospital Kapar: Selangor sudah sedia tanah Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat berjaya capai sasaran

SHAH ALAM - Kegagalan Kerajaan Persekutuan memasukkan pembinaan Hospital Kapar dalam Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK-11) amat dikesali Kerajaan Selangor.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata Kerajaan Persekutuan perlu mengambil kira keperluan mendesak hospital di Lembah Klang.

"Saya dan Dato' Menteri Besar sangat kecewa kerana kita sudah sediakan tanah bagi tujuan terbabit.

"Jadi, saya minta Kerajaan Persekutuan pertimbangkan semula dan teruskan pembinaan yang mendesak ini," katanya kepada Selangor Kini.

Sebelum Pilihan Raya Umum 13 (PRU-13) lalu, pembinaan Hospital Kapar antara akujanji Barisan Nasional di Selangor, namun ia tidak diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada pembentangan RMK-11 di Dewan Rakyat, Mei lalu.

Pada masa sama, Daroyah menggesa Kerajaan Persekutuan membuka Hospital Shah Alam

"Saya dan Dato' Menteri Besar sangat kecewa kerana kita sudah sediakan tanah bagi tujuan terbabit. Jadi, saya minta Kerajaan Persekutuan pertimbangkan semula dan teruskan pembinaan yang mendesak ini"

DR DAROYAH ALWI
Exco Kesihatan

kepada umum mengikut jadual.

"Kita berharap kesesakan dan bebanan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah dapat dikurangkan dengan pembukaannya seperti yang dijanjikan.

"Sebelum ini, kita dimaklumkan ia bakal dibuka Oktober tetapi sehingga kini tiada maklumat rasmi berhubung isu terbabit," katanya.



K Gunasekaran

MACHANG - Program Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat anjuran Pejabat Dato' Menteri Besar yang menerjah seluruh Semenanjung Malaysia sejak 2 Julai lalu berjaya ditamatkan, pada 8 Julai lalu.

Ketua Delegasi, K Gunasekaran berkata, siri jelajah itu berjaya mencapai objektifnya dengan komitmen dan kerjasama sukarelawan serta pimpinan tempatan bagi membantu golongan sasaran di wilayah masing-masing.

"Misi bagi meringankan beban penerima menyambut Rama-



dan dan membuat persediaan Aidilfitri ini berjaya mencapai objektif apabila setiap pek bantuan diagihkan secara adil tanpa mengira fahaman politik.

"Mesej jelas bagaimana Selangor yang ditadbir secara telus dan adil berjaya memanfaatkan kekayaan negeri untuk disalur-

kan kepada rakyat yang memerlukan pembelaan," katanya.

Gua Musang menjadi lokasi terakhir program di pantai timur, sekali gus melengkapkan sumbangan 5,000 pek bantuan Ramadan dan Aidilfitri di 31 lokasi yang turut melibatkan wilayah di utara dan selatan tanah air.

Imbuan sebulan gaji

Penjawat awam puji keprihatinan

SHAH ALAM - Pemberian imbuan sebulan gaji kepada penjawat awam Selangor sempena sambutan Aidilfitri yang diumumkan Dato' Menteri Besar, Mohamad Azmin Ali nyata memberikan kegembiraan tidak terhingga kepada penerimanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin, berkata imbuan yang dibayar 9 Julai lalu memberi manfaat kepada 17,534 orang yang berkhidmat dalam pentadbiran Kerajaan Negeri.

Katanya, ia sebagai menghargai khidmat semua penjawat awam dalam melaksanakan dasar Kerajaan Negeri secara profesional dan berintegriti ke arah Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipedulikan.

Sementara itu, Kerajaan Pulau Pinang mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji manakala penjawat awam Kerajaan Persekutuan hanya menerima wang imbuan RM500.

Bagi Pembantu Operasi Pejabat Menteri Besar, Norshah Hafny Mohd Nazir, 58, dia bersyukur dan berterima kasih kepada Mohamed Azmin atas pemberian bonus itu.

"Ia meringankan beban kami dalam membuat persiapan raya kerana perbelanjaan makin men-

ingkat terutama untuk keperluan anak," katanya.

Setiausaha, Zarini Zainun, 37, pula menyifatkan keprihatinan Kerajaan Negeri patut dipuji kerana menghargai perkhidmatan semua penjawat awam.

"Saya sarankan Kerajaan Persekutuan lebih bertimbang rasa dalam pemberian bantuan raya. Pandang dan dengarlah suara rakyat kerana kami berhak dapat lebih setimpal dengan kadar GST," katanya.

Kakitangan Unit Keselamatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor (SUK), Johan Alief Ismail, 31, berkata pemberian bonus oleh Kerajaan Negeri membantu mengurangkan sedikit beban walaupun harga barang kian meningkat.

"Kami tetap bersyukur, walaupun kita tahu hakikatnya masih tidak mencukupi. Justeru, orang ramai perlu pandai berjimat dan merancang perbelanjaan sebaiknya serta mengurangkan sifat boros dalam berbelanja," katanya.

Pegawai Penguatkuasa SUK, Misnun Ramli, 63, berkata pengumuman pembayaran bonus oleh Mohamed Azmin sangat menggembirakan hati semua kakitangan awam Selangor.

"Pemberian itu dapat menam-



“

Saya sarankan Kerajaan Persekutuan lebih bertimbang rasa dalam pemberian bantuan raya. Pandang dan dengarlah suara rakyat kerana kami berhak dapat lebih setimpal dengan kadar GST

ZARINI ZAINUN
Setiausaha

pung kos perbelanjaan hari raya, kemasukan anak ke sekolah dan simpanan selepas perayaan," katanya.

BONUS AIDILFITRI



Selangor
Sebulan gaji



Pulau Pinang
Setengah bulan



Persekutuan
RM 500

Biar saya pindah ke Putrajaya

SHAH ALAM - Pejawat awam Kerajaan Persekutuan mencemburui rakan sejawat di Selangor berikutan perbezaan besar imbuan yang diterima sempena Aidilfitri.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata beliau menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada mereka yang menyatakan hasrat untuk bekerja di Selangor.

"Saya dapat banyak SMS daripada pegawai peringkat Persekutuan yang cemburu sebab di Selangor dapat sebulan bonus,

tetapi mereha hanya terima RM500.

"Ada yang kata dia nak pindah bekerja di Selangor," katanya pada program berbuka puasa di kediaman Menteri Besar, 28 Jun lalu.

Beliau berkata, penjawat awam peringkat Persekutuan tidak perlu berpindah, sebaliknya mereka akan memperoleh imbuan sama apabila Pakatan Rakyat menawan Putrajaya.

"Saya kata tak payah pindah, biar saya pindah ke Putrajaya. Insha-Allah," katanya.

Kakitangan UNISEL terima durian runtuh

SHAH ALAM - Kira-kira 887 kakitangan Universiti Selangor (UNISEL) menerima durian runtuh sempena Aidilfitri selepas Kerajaan Negeri mengumumkan perbelanjaan lebih RM2,68 juta bagi pemberian imbuan tahunan membabitkan sebulan gaji kepada mereka.

Exco Pendidikan Selangor, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ia bagi menghargai perkhidmatan dan memberi galakan motivasi kepada warga kerja universiti milik Kerajaan Negeri itu.

"Pemberian bonus ini susulan pengumuman Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkenaan imbuan tahunan kepada semua penjawat awam Selangor dalam menghargai khidmat mereka.

"Ia juga antara usaha mencapai matlamat Kerajaan Negeri yang mengetengahkan teras Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipedulikan," katanya di UNISEL, Kampus Shah Alam, di sini, 7 Julai.

Sementara itu, Presiden UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad pula mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangannya kerana memberi khidmat cemerlang walaupun turut terbeban dengan masalah kenaikan harga barangan dan petrol.

"Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri atas bantuan itu. Saya harap, selepas ini akan banyak lagi bantuan disalurkan kepada kami seperti membangunkan prasarana," katanya.



unisel

Najib dicadang bercuti

Amalan standard antarabangsa

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kebanyakan individu yang melakukan pecah amanah dalam organisasi korporat dan jabatan kerajaan seluruh dunia akan diarah bercuti atau digantung tugas sehingga siasatan kes selesai.

Bekas Pengarah Bank Negara, Dr Rosli Yaakob, berkata kehadiran tertuduh di tempat kerja hanya memberi peluang untuknya merosakkan atau melupus bukti yang boleh disabitkan dengan tuduhan yang dikenakan.

Dr Rosli berkata, keadaan ter-

tuduh yang masih berkuasa juga mampu mendorongnya mengambil tindakan bagi menghalang saksi tampil ke hadapan selain kemungkinan merosakkan bukti.

"Seingat saya, belum ada ketua negara lain berhadapan tuduhan memasukkan dana awam ke dalam akaun peribadi seperti yang berlaku ke atas Datuk Seri Najib Razak.

"Tetapi, dah jadi amalan standard di peringkat antarabangsa iaitu individu dituduh pecah amanah kena bercuti.

"Di Malaysia, anggota kerajaan yang disiasat, contohnya pe-

gawai Jabatan Kastam juga akan disuruh bercuti," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Dr Rosli menyokong penuh saranan supaya Najib bercuti bagi memelihara kredibiliti siasatan ke atasnya.

Terdahulu, pasukan khas siasatan yang terdiri daripada Bank Negara (BNM), polis, Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditubuhkan bagi memulakan siasatan terhadap dakwaan wang RM2.6 bilion dana 1MDB dipindahkan ke akaun peribadi Najib.



Dah jadi amalan standard di peringkat antarabangsa iaitu individu dituduh pecah amanah kena bercuti. Di Malaysia, anggota kerajaan yang disiasat, contohnya pegawai Jabatan Kastam juga akan disuruh bercuti

DR ROSLI YAAKOB
Bekas Pengarah Bank Negara



PKR fail saman batal keputusan PRU-13

SHAH ALAM - PKR akan memfailkan saman sivil bagi membatalkan keputusan Pilihan Raya Umum ke 13 (PRU-13) susulan pendedahan The Wall Street Journal (WSJ) dan Sarawak Report berkenaan pemindahan RM2.67 bilion ke akaun peribadi Datuk Seri Najib Razak.

Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar, berkata PKR akan melaksanakannya dalam kadar segera dan turut menyerahkan laporan kepada SPRM ekoran tindakan Perdana Menteri yang didakwa menggunakan wang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk memenangi PRU-13.

"Wajib diingatkan bahawa jumlah maksimum yang boleh dibelanjakan untuk kempen pilihan raya bagi setiap calon RM200,000 (Parlimen) dan RM100,000 (DUN) seperti diperincikan di bawah Seksyen



Tindakan mahkamah akan menjadi pemangkin kepada pembatalan kerusi dimenangi Umno dan BN ekoran pendedahan amalan rasuah dan pembaziran wang melampau

NURUL IZZAH ANWAR
Naib Presiden PKR

19, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

"Oleh yang demikian, jumlah maksima yang dibelanjakan untuk semua calon Umno dan BN bagi 222 kerusi parlimen dan 505 DUN adalah RM44.4 juta dan RM50.5 juta.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan RM94.9 juta iaitu jauh lebih rendah daripada yang



didakwa digunakan BN iaitu RM2.67 bilion," katanya pada sidang media, di ibu pejabat PKR, pada 8 Julai lalu.

Beliau berkata, tindakan mahkamah akan menjadi pemangkin kepada pembatalan kerusi dimenangi Umno dan BN ekoran pendedahan amalan rasuah dan pembaziran wang melampau.

Laksana peraturan had waktu kerja doktor

SHAH ALAM - Angkatan Muda Keadilan (AMK) menggesa Kementerian Kesihatan menambahbaik sistem dan suasana kerja bagi doktor perubatan khususnya sektor awam.

Timbalan Ketuanya, Dr Afif Baharuddin, mencadangkan Kementerian menyediakan penempatan mengikut keperluan semasa dan sentiasa responsif terhadap sebarang perubahan.

"Tanggungjawab itu terletak pada ketua jabatan untuk memastikan bukan hanya jumlah kuantiti yang ditangani tetapi kecergasan dan tahap emosi doktor bertugas turut dipantau," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata demikian sebagai merujuk berita kematian jalan raya seorang doktor perubatan di Hospital Sungai Buloh, Allahyarhamah Dr Afifah Mohd Ghazi, pada 9 Julai lalu.

Kemalangan terbabit di-

percaya berpunca daripada keadaan beliau yang terlalu penat bekerja dan hilang kawalan ke atas kenderaan.

Dr Afif turut mencadangkan pihak berwajib mewujudkan Peraturan Had Waktu Bekerja kerana ia sudah diperkenalkan dalam sebahagian daripada Undang-Undang Buruh di beberapa negara maju dan disesuaikan kepada sektor kesihatan.

"Kementerian wajar mengkaji keperluan memperkenalkan had waktu bekerja iaitu purata 48 jam seminggu dalam tempoh 26 minggu dengan syarat tidak melebihi 72 jam dalam tempoh berkenaan.

"Kebanyakan doktor yang bertugas atas panggilan (on-call) wajar diberi pelepasan terutama selepas tamat tugas. Ini bagi memberi ruang secukupnya untuk doktor itu berehat, selain menyediakan blik rehat kepada mereka," katanya.



Kadir Jasin

Tak pelik jika Najib diheret ke mahkamah

SHAH ALAM - Tokoh wartawan, Datuk A Kadir Jasin menyifatkan bukan sesuatu yang pelik jika Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak diheret ke mahkamah atas tuduhan jenayah.

Katanya, ia kerana Najib langsung tidak menafikan kemasukan wang RM2.67 bilion dalam akaun AmBank seperti didedahkan Wall Street Journal (WSJ).

"Sama ada akaun berkenaan masih cergas, tidak aktif atau su-

dah ditutup bukan isunya. Persoalannya, Najib pernah ada jumlah itu dalam akaun berkenaan.

"Apa susahya beliau atau AmBank menafikan yang akaun atas nama Mohd Najib itu tidak pernah wujud.

"Lebih utama bukan kewujudan akaun itu tetapi daripada mana datangnya dana terbabit dan apa kegunaannya," katanya memetik Malaysia Kini.

Beliau berkata, Najib han-

ya menyebut tidak pernah mengambil dana untuk kegunaan peribadi sama ada dari 1MDB, SRC International atau pihak lain.

"Sampai hari ini beliau tidak menafikan bahawa akaun atas nama beliau dengan simpanan sebanyak itu pernah wujud, tetapi ditutup tidak lama selepas pilihan raya umum 2013," katanya.

Kadir juga membuat kesim-

pulan itu berdasarkan kenyataan Peguam Negara, Tan Sri Gani Patail dan pasukan petugas khas berhubung kes itu.

"Pembekuan enam akaun bank milik pihak yang dipercayai terlibat dengan kes akaun Najib, pada 6 Julai lalu memberi gambaran mereka tidak mahu berselindung lagi.

"Ia memperkukuhkan lagi bukti bahawa akaun yang didakwa WSJ itu wujud," katanya.

Laman PKNS mesra pengguna dan alam sekitar

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Ibu Pejabat baru Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang terletak di Seksyen 14, di sini, bakal menjadi mercu tanda pertama di Shah Alam yang menggunakan konsep hijau dan mesra alam sekitar

Bangunan diberi nama Laman PKNS yang dibangunkan dengan kos pembinaan RM170 juta itu berjaya meraih akreditasi Indeks Bangunan Hijau (GBI) Platinum iaitu di kedudukan tertinggi melalui reka bentuknya.

Timbalan Pengurus Besar (Teknikal) PKNS, Datuk Abdul Ghani Hashim, berkata ia menerapkan ciri seni bina unik dan ikonik serta menekankan aspek pembinaan hijau dengan penggunaan kadar tenaga rendah.

Katanya, sistem tadahan air hujan juga dipraktikkan selain mengetengahkan konsep laman mesra pengguna dan alam sekitar.

"Idea konsep bangunan ini diambil daripada paya bakau dan kundang-kundang. Elemen ini kita jadikan inspirasi dalam reka bentuknya yang kini sudah siap 65 peratus," katanya.

Abdul Ghani berkata, laman

berkeluasan empat ekar itu juga mempunyai bumbung hijau yang boleh digunakan sebagai kawasan rekreasi awam.

"Kita akan tanam rumput khas yang mempunyai kadar penyejukan rendah dan dibina khas untuk bumbung hijau. Sistem rumput itu mempunyai pengairan sendiri yang hanya memerlukan perapian atau kemas setahun sekali," katanya.

Beliau berkata, binaan itu juga memperkenalkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui seperti sel suria untuk penjaan elektrik.

Manakala, inisiatif sistem tadahan air hujan yang dikitar semula akan diperkenalkan bagi menjimatkan penggunaan air bagi kelengkapan tandas.

"PKNS salah satu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang pertama menerima pakai GBI ini. Kita akan memastikan semua projek bandar, perumahan, menara, pembangunan komersial dan industri mengguna pakai konsep ini.

"Ia termasuk penggunaan tenaga solar, ladang solar, pencahayaan siang, bidai matahari dan perumputan atap," katanya.

Laman PKNS terdiri daripada



PKNS salah satu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang pertama menerima pakai GBI ini

ABDUL GHANI HASHIM
Timbalan Pengurus Besar (Teknikal) PKNS

empat blok iaitu A (lapan tingkat), B (enam tingkat), C (lima tingkat) dan D (empat tingkat).

Ia adalah kejayaan dan kebanggaan PKNS yang sudah mencecah 51 tahun dalam membangunkan projek berprestij.



Bina lebih banyak projek ciri IBS

SHAHALAM-Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) akan membina lebih banyak projek bercirikan sistem bangunan berindustri (IBS).

Timbalan Pengurus Besar (Teknikal) PKNS, Datuk Abdul Ghani Hashim, berkata sistem itu juga akan digunakan bagi projek berskala besar seperti pembinaan rumah pangsa.

"Antara projek terkini, sistem IBS dilaksanakan di penempatan semula Bukit Botak, Selangor.

"Ia terdiri dari 1,422 unit rumah berkembar satu tingkat. Antara komponen IBS yang digunakan adalah 'Steel Formwork Systems' dan 'Block Work Systems,'" katanya, di sini, pada 8 Julai lalu.

Beliau berkata, penggunaan IBS dapat menjimatkan kos

antaranya pengurangan pekerja kurang mahir, kurang penggunaan jumlah bahan binaan, peningkatan kebersihan alam sekitar dan tapak pembinaan serta kawalan lebih berkualiti.

"Kelebihan ini akan menggalakkan tapak pembinaan lebih selamat dan teratur, di samping mengurangkan masa siap kerja.

"Banyak pemaju Malaysia bertaraf dunia memilih IBS dan bukan kaedah konvensional untuk projek penting seperti Menara Petronas, Putrajaya, KL Sentral dan KLIA," katanya.

IBS adalah proses pembinaan membabitkan teknik, produk, komponen atau sistem binaan yang menggunakan komponen pasang siap dan pemasangan di tapak binaan.

Peruntukan Dana-Sel ditambah RM10 juta

SHAH ALAM - Peruntukan Skim Dana-Sel akan ditingkatkan kepada RM20 juta untuk membantu rakyat memiliki rumah mampu milik, berbanding peruntukan RM10 juta sedia ada.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata Dana-Sel diwujudkan untuk membantu pembeli yang menghadapi kesukaran mendapatkan pinjaman bank bagi memiliki rumah pangsa kos rendah.

"Melalui skim ini, Kerajaan Negeri membeli rumah dan disewakan kepada rakyat sehingga mereka layak membuat pinjaman bank. Kerajaan Negeri akan menjual kepada penyewa dengan menolak kos yang sudah dibayar.

"Skim ini juga terbuka kepada golongan belia yang berhasrat



memiliki rumah mampu milik dan menepati syarat dan kelayakan memohon," katanya kepada Selangor Kini.

Iskandar berkata, peruntukan yang diberi Kerajaan Negeri itu masih tidak mencukupi dan kemampuan juga terhad.

"Seharusnya, Kerajaan Persekutuan perlu ada inisiatif memikirkan cara berkesan dalam porjek perumahan kerana mereka mempunyai dana lebih besar untuk membantu rakyat ekoran harga rumah semakin tinggi," katanya.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizh Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Aspek ketelusan dan kredibiliti menjadi pegangan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam memastikan institusi itu terus cemerlang berkhidmat kepada masyarakat. Walaupun dipalit pelbagai kon-triversi, LZS terus berdiri utuh meng-hadapi cabaran demi membuktikan mereka adalah yang terbaik dan berada di landasan betul.

Q&A

Ikuti temubual wartawan Selangor Kini, **AFEEQA AFEERA** bersama Ketua Pegawai Eksekutif LZS, **HUSSIN MOHD ALI** bagi membincangkan isu berkenaan dengan lebih mendalam.

Apakah misi dan visi yang dibawa ketika menerajui LZS?

Saya diberi tanggungjawab untuk membawa LZS ke tahap seterusnya dengan menjadi peneraju zakat setanding peringkat global.

Itu yang perlu dilaksanakan dalam tempoh ditetapkan. Saya mempunyai kontrak selama tiga tahun dan akan cuba realisasikan dalam tempoh itu.

Penambahbaikan yang dijangka berlaku dalam LZS?

Kelemahan yang ada adalah kurangnya maklumat bagaimana agihan zakat dilakukan. Jadi, sebab itu ada isu berkaitan dengan kemelaratan dan manusia di luar sana yang tuding jadi kepada LZS.

Bila saya berkhidmat di sini, programnya sangat banyak tetapi kita tidak berkomunikasi dengan masyarakat hingga mereka tidak tahu bagaimana duit itu di-agihkan.

Mereka fikir kita hanya simpan duit pembayar zakat dan melakukan perkara tidak menentu tetapi sebenarnya setiap kali wang zakat diterima, kita agihkan pada tahun sama. Melainkan jika ia dikutip pada Disember, maka agihan dilakukan pada tahun berikutnya.

Setiap agihan wang zakat perlu diagihkan sebelum bulan Jun atau harus selesai selewat-lewatnya Jun tahun berikutnya.

Kita akan menggunakan semua saluran yang ada terutama media arus perdana termasuk media sosial supaya impak itu dapat dimaksimakan sebaik mungkin. Kesannya ada, bahkan sambutan daripada orang ramai turut meningkat.

Sasaran kutipan zakat tahun ini RM615 juta, sejauh mana prestasi atau usaha



LZS sasar institusi zakat terbaik dunia

LZS untuk mencapainya?

Dari segi kutipan, LZS mampu mencapai sasaran yang ditetapkan berdasarkan kerja kuat semua kakitangan. Tetapi, strategi tahun ini adalah menumpukan kepada agihan dan menghebahkan kepada orang ramai supaya mereka yakin membayar zakat di LZS.

Apabila wang zakat diagihkan secara sistematik dan melalui proses pengauditan teliti, maka secara tidak langsung mereka akan tergerak hati untuk terus membayar di LZS kerana kita adalah organisasi yang sistematik daripada segi pengagihan.

Bagaimana agihan zakat untuk golongan asnaf pada tahun ini?

Sehingga Mei lalu, sebanyak RM224.7

juta zakat sudah diagihkan kepada asnaf melibatkan 41,568 keluarga seluruh Selangor. Kita menyantuni mereka melalui lima program pembangunan utama iaitu sosial, ekonomi, pendidikan, insan dan institusi agama.

Aspek sosial lebih kepada keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal iaitu lebih 13,000 keluarga sudah dibantu. LZS akan pergi ke pelusuk daerah untuk hantar sendiri bantuan secara bulanan.

Aspek kesihatan pula merujuk kepada rawatan di hospital seperti dialisis dan 2,500 pesakit asnaf sudah dibantu tahun lalu dengan jumlah itu dijangka akan terus meningkat. Bantuan ekonomi memupuk kepada kemahiran berniaga melalui makan gaji atau pengusahaan sendiri. Asnaf akan diberikan bantuan antara RM5,000 hingga RM30,000 yang tidak perlu dibayar semula.

Pembangunan pendidikan lebih kepada generasi kedua yang ingin melanjutkan pelajaran sama ada dalam atau luar negara. Malah, asnaf yang berminat untuk menyertai kursus kemahiran juga boleh turut memohon.

“

Saya ingin menjadikan LZS seperti Tabung Haji terutama daripada segi imej kerana institusi itu mempunyai pengurusan jemaah haji terbaik di dunia. Kita juga mahu LZS sama ada daripada segi kutipan atau agihan menjadi yang terbaik di dunia

HUSSIN MOHD ALI
Ketua Pegawai Eksekutif LZS



Pembangunan insan lebih kepada keagamaan yang perlu seiring dengan pembangunan fizikal untuk membentuk sikap lebih baik. Sebab itu, kita bekerjasama dengan kariah masjid untuk pantau asnaf.

Ini untuk menjawab kenyataan Exco Agama, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi bahawa 70 peratus asnaf tidak solat dan kita tidak nafikan. Mereka ini bukan sahaja miskin fizikal tetapi miskin jiwa. Yang ini perlu kita sama-sama bantu.

Institusi agama pula merujuk kepada maahad tahfiz, masjid dan surau. Kita bantu mereka dengan memberi peruntukan sehingga RM50,000.

Berapakah sasaran LZS untuk menarik asnaf keluar daripada kepompong kemiskinan?

Setiap tahun, sasaran LZS adalah membawa 200 keluarga asnaf keluar daripada kemiskinan kerana adakala mereka sudah keluar tetapi kembali menjadi asnaf. Walaupun mereka sudah mampu berdikari, kita pantau dalam tempoh enam bulan hingga setahun dan kalau betul stabil baru dikeluarkan daripada kelompok asnaf.

Kita pantau sampai mereka sendiri yakin. Kebanyakan daripada asnaf sebenarnya malu untuk menerima zakat kerana sifat rendah diri dan jiwa mereka halus.

LZS menubuhkan Skwad Jejak Kemiskinan untuk mencari asnaf. Paling susah adalah menjejak miskin bandar kerana mereka tinggal di rumah batu tetapi kita tidak tahu bagaimana kehidupan mereka.

Kebanyakan kes asnaf dilaporkan pihak luar yang menjadi ejen penyampai maklumat kepada LZS. Sebab itu kita sangat memerlukan saluran itu. Tolong kami bantu asnaf.

Sehingga kini, adakah LZS masih berdepan isu wang zakat tidak sampai kepada pihak sepatutnya?

Saya tidak boleh nafikan dakwaan itu masih lagi berlaku sehingga hari ini. Cuma, isu itu ditimbulkan mereka yang mengambil wang zakat tanpa berurusan secara terus dengan LZS iaitu melalui orang tengah.

Saya minta tolong kepada semua pihak

supaya baca segala maklumat yang dipaparkan di laman web LZS supaya mereka faham dan kemudian baru kritik.

LZS amat menitikberatkan aspek ketelusan dan kredibiliti pengagihan serta meletakkan prosedur amat ketat dalam mengawasi perbelanjaan.

Kita memiliki pengawasan dan pemantauan dari semasa ke semasa antaranya Majlis Fatwa Selangor, 13 jawatankuasa LZS yang mengawal selia perjalanan organisasi, audit dalaman LZS, audit kualiti dalaman LZS, audit luar dan Jabatan Audit Negara.

LZS tidak pernah tertinggal dalam mendapat sijil bersih setiap kali audit dilakukan. Kita juga siarkan penyata akaun yang diaudit di media arus perdana.

Jika asnaf memerlukan bantuan kecemasan, adakah LZS mempunyai wang simpanan segera?

Kita mempunyai kaunter ekspres untuk beri bantuan sehingga RM500 tidak kira sama ada seseorang itu layak atau tidak menerima zakat. Bantuan itu diberikan sementara menunggu siasatan dibuat dalam tempoh 14 hari.

Proses siasatan perlu menjalani beberapa prosedur seperti temubual bersama pemohon dan mereka perlu bermastautin di Selangor.

Sesiapa sahaja yang berada dalam kes-urusan akan diberikan bantuan ekspres ini. Kita meraikan semua jenis masalah yang ada tetapi yang paling popular adalah bantuan pembangunan pendidikan.

Bagaimana dengan kutipan zakat fitrah di Selangor sepanjang Ramadan?

Tahun ini, LZS mensasarkan kutipan zakat fitrah RM21.5 juta dengan mempelbagaikan medium iaitu melantik 2,422 amil fitrah seluruh negeri.

Orang ramai juga boleh menunaikan zakat fitrah di 26 cawangan LZS, di samping beberapa pasar raya terpilih sekitar Lembah Klang dan sepuluh institut pengajian tinggi (IPT).

Kemudahan pembayaran zakat fitrah turut disediakan melalui sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan kerjasama syarikat telekomunikasi Digi yang terbuka kepada pelanggan pra-bayar dan pasca bayar.

Tahun lalu, kita dapat kutip sehingga RM400,000 zakat fitrah melalui SMS.

Apakah harapan untuk memastikan LZS kekal cemerlang dalam jangka masa panjang?

Saya ingin menjadikan LZS seperti Tabung Haji terutama daripada segi imej kerana institusi itu mempunyai pengurusan jemaah haji terbaik di dunia. Kita juga mahu LZS sama ada daripada segi kutipan atau agihan menjadi yang terbaik di dunia.

Tiada lagi institusi zakat di mana-mana negara yang betul-betul kukuh seperti LZS kerana kita mendahului daripada segi kutipan dan agihan zakat. Kita mahu kekal perkara itu dan beri keyakinan kepada masyarakat supaya membayar zakat di Selangor.

“

Setiap tahun, sasaran LZS adalah membawa 200 keluarga asnaf keluar daripada kemiskinan kerana adakala mereka sudah keluar tetapi kembali menjadi asnaf. Walaupun mereka sudah mampu berdikari, kita pantau dalam tempoh enam bulan hingga setahun dan kalau betul stabil baru dikeluarkan daripada kelompok asnaf





Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad hadir di sekitar program **Jom Shopping** peringkat DUN Seri Setia di Giant Kelana Jaya sempena Hari Raya Aidilfitri



Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz menyampaikan bantuan anak yatim ahli Tawas di pejabat Adun Lembah Jaya



Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh bersama masyarakat di perasmian gym outdoor di Padang Cergas for SS19/1 Subang Jaya



Adun Sabak, Sallehen Mukhyi melakukan lawatan ke Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam sambil menyumbangkan bubur lambuk dan makanan ringan kepada pesakit dan petugas hospital



Adun Sekinchan, Ng Sueue Lim mendedarkan sebanyak 700 bekas bubur lambuk kepada orang ramai di sekitar Bazar Ramadan DUN berkenaan



Adun Taman Medan, Haniza Talha menyampaikan sumbangan duit raya, baucer baju raya dan cenderahati kepada 104 anak yatim dan anak-anak keluarga kurang berkemampuan sekitar Dun Taman Medan yang disumbangkan Ikram Petaling Jaya, Bank Muamalat, Pekawani, Jakell dan Pejabat ADUN



Adun Bukit Melawati, Jakiran Jacomah bersama kumpulan nelayan Kampung Assam Jawa bagi menyampaikan sumbangan Hari Raya dan mengagihkan sumbangan Bubur Lambuk untuk berbuka puasa



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA,
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor Negeri Selangor yang berdaftar dengan CIBD dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) bagi kerja – kerja berikut :

Bil	No.Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Harga Dokumen
1	MP Sepang 400-10/12-30/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja Berkaitan Di Jalan Pp7/1, 7/2, 7/3, 7/4, 7/5, 7/6, 7/7, 7/8, 7/10, 7/11, 7/12, 7/13, 7/14, 7/15, 7/16, 7/17, 7/18, 7/19, 7/20, 7/21, 7/22, Taman Putra Perdana, Puchong, Mukim Dengkil Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G4, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
2	MP Sepang 400-10/12-31/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja Berkaitan Dengan Kaedah 'Mill And Pave' Di Jalan PP10 Taman Putra Perdana, Puchong Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G4, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
3	MP Sepang 400-10/12-32/2015 KEJ	Cadangan Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Helang Tiram 3,4,5, Jalan Tasik Cempaka 4,5,6,7,8,11,12,13,14,15, Jalan Helang Siput 1,2,3,4,5,6,7,8, Jalan Tasik Beringin 4,5,6,7,8,9,10 Dan 11, Pantai Sepang Putra, Bagang Lalang Untuk Majlis Perbandaran Sepang Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G4, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
4	MP Sepang 400-10/12-33/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Menggunakan Kaedah 'Mill And Pave' Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Persiaran Vista, Jalan Vista 2, Jalan Vista 1/1, 1/2, 1/3, 1/4, 1/5, 1/6, 1/7, 1/8, 1/9, 1/10, 1/11 Dan Lorong Taman Desa Vista, Bandar Baru Salak Tinggi Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G4, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
5	MP Sepang 400-10/12-34/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Dengan Kaedah 'Mill And Pave' Serta Kerja Berkaitan Di Sebahagian Jalan Puchong, Taman Putra Perdana, Puchong, Mukim Dengkil Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G4, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
6	MP Sepang 400-10/12-35/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Dengan Kaedah 'Mill And Pave' Serta Kerja Berkaitan Di Jalan Utama Meranti Permai Kawasan Perindustrian Meranti Permai, Puchong Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G3, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
7	MP Sepang 400-10/12-36/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja Berkaitan Di Jalan PP 5E Dan PP 5F, Taman Putra Perdana, Puchong Mukim Dengkil Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G3, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
8	MP Sepang 400-10/12-37/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan PP 8/1, 8/2, 8/3, 8/4, 8/5, 8/6, 8/7, 8/8, 8/9, 8/10, 8/11, 8/12, 8/13, 8/14 Dan 8/15, Puchong Taman Putra Perdana Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G3, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
9	MP Sepang 400-10/12-38/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Dengan Kaedah 'Mill And Pave' Di Jalan Utama 3/10 Dan Kerja Menurap Semula Jalan 3/7, 3/8, 3/9, 3/10, 3/11, 3/12 Desa Pinggiran Putra Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G3, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
10	MP Sepang 400-10/12-39/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Dagang Mas 1,2, Jalan Pinggiran Mas 1, Jalan Lingkaran Dagang Mas Dan Jalan Dagang Mas 7, Taman Mas, Puchong Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G3, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
11	MP Sepang 400-10/12-40/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja Berkaitan Di Jalan Kenanga 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15, Dan 16, Taman Dengkil Jaya, Dengkil, Mukim Dengkil Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G3, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
12	MP Sepang 400-10/12-41/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Serta Kerja Berkaitan Di Jalan Lapis 1,3,5 Taman Sinar Terang, Taman Berjaya, Jalan 2,4,8 Taman Bahagia Dan Jalan 1 Taman Sepang, Sungai Pelek Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G3, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00
13	MP Sepang 400-10/12-42/2015 KEJ	Cadangan Kerja Menurap Semula Jalan Menggunakan Kaedah 'Mill And Pave' Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Pejabat Tanah Dan Daerah Sepang, Bandar Baru Salak Tinggi Untuk Majlis Perbandaran Sepang	SPKK, CIBD G3, Pengkhususan CE 21 dan UPEN	RM150.00

2. Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Pengurusan Perolehan)**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **09 hb Julai 2015** hingga **28 hb Julai 2015** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIBD) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **28 hb Julai 2015**.

4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa - apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubungan dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

OLEH HAFIZAN TAIB

PAMERAN Cair menampilkan 16 pelukis Warna Air Studio Gallery (WASG) dengan pelbagai karya membabitkan aksi penuh 'warna' melalui medium lukisan cat air di Galeri Shah Alam, yang berlangsung sehingga 15 Julai ini.

49 karya dipamerkan itu jelas punya cerita tersendiri yang mahu dikongsikan pelukis seperti 'Di dalam hujan' karya Aziezan dengan situasi merempuh hujan lebat dalam kenderaan yang memberi pengalaman bermakna kepada orang ramai.

Pengunjung galeri terus dibawa menerokai liku hidup alam perkampungan dengan pembangunan di tengah kota melewati 'Aku tanya apa khabar?' (Nasib Si Kg. Baru) karya Azmannor, di samping pelbagai kisah lain menerusi karya Jamal Tommy, Ryzal Mysran, Suhaimi Hassan, Abey Zoul, Kamarul Rizam Kamaruddin dan yang lain.

Juga tidak ketinggalan Hisham Salmin dengan beberapa karya seperti 'Kekalkan Kami? Pekan Kajang' dan 'Kedai Bunga Seremban' dengan penceritaan menarik dikongsi dalam kehidupan hasil

Masih tentang lebah yang MeMbacajajak dan anjing pula Mati tercekik

Tuhan telah menghadirkan realiti paling ngeri
Tapi masih ada yang panjang dengkurnya
Bermimpi pungguk memining bulan
Cincin tercicir di dalam kegelapan

Dengkur yang panjang mengejutkan
Pahlawan kesiang. sedang nasib anak cucu
Nyawa-nyawa ikan sebelum sempat
Sijil kelahiran dicetak nama.

Ketika lebah membaca sajak kuat-kuat
Anjing mati tercekik cincin,
dan anak cucu sibuk menggali kubur sendiri.

najMuddin yusoff
puncak jalil

Cair: warna kehidupan pelbagai ragam

pengalaman di lokasi.

Cair adalah pameran kolaborasi pelukis cat air tempatan yang menggabungkan pelbagai latar belakang dari seluruh Malaysia melalui kehebatan pelbagai teknik dan gaya penggunaan bahan di atas media.

Ia dipelbagaikan dengan tema menarik yang mencerminkan kehidupan masyarakat, keindahan alam semula jadi dan reka bentuk bangunan lama yang menggamit kenangan.

Kalangan pelukis ini menjadikan beberapa pelukis tersohor tempatan antaranya Maamor Jantan, Ismail Kadir, Sani Md Dom, Shafie Hassan, Rafie Rahman, Mokhtar Ishak dan pelukis antarabangsa seperti Joseph Zbuktic, David Curtist, Robert Wade dan Alvaro Castagnet sebagai sumber inspirasi.

Mereka terus giat dan gigih berkarya walaupun terpaksa menghadapi cabaran rutin kerja harian yang sentiasa menunggu.

Peluang diberikan Yayasan Seni Selangor bagi WASG mengadakan pameran itu digunakan sepenuhnya bagi menampilkan karya dengan medium cat air kerana bilangannya yang dikatakan agak kurang berbanding lukisan daripada bahan lain.

“

Kita memberi peluang kepada mereka menampilkan hasil karya untuk dikongsi bersama masyarakat. Ternyata, pameran ini mendapat reaksi baik daripada orang ramai yang kagum dengan lukisan dipamerkan

ISZUAN ISMAIL

Penolong Kurator Yayasan Seni Selangor

Penolong Kurator Yayasan Seni Selangor, Iszuan Ismail, berkata yayasan itu memberi peluang kepada kumpulan pelukis terbabit dengan majoriti daripada



danya adalah mereka yang baharu atau kurang menonjol.

"Kita memberi peluang kepada mereka menampilkan hasil karya untuk dikongsi bersama masyarakat. Ternyata, pameran ini mendapat reaksi baik daripada orang ramai yang kagum dengan lukisan dipamerkan," katanya.

Pameran terbabit dirasmikan Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Datuk Mahadzir Lokman.



OLEH **KHAIRIL IDHAM ISMAIL**

Roslan keletihan. Dia bersandar di kerusi malas selepas seharian bekerja di pejabat kemudian terpaksa menyambung kerja menjual burger di tepi jalan tidak jauh di hadapan rumahnya. Anak-anak sudahpun masuk tidur. Dia terlihat beberapa surat daripada sekolah dan taska anak-anaknya.

Satu surat meminta bayaran untuk gambar kenang-kenangan menamatkan pra-persekolahan, satu untuk yuran kelas tambahan abangnya dan satu lagi surat kebenaran ibu bapa beserta bayaran lawatan sambil belajar ke Petrosains untuk yang sulung.

Anak Roslan yang pertama cukup kagum dengan Dr Syeikh Muszaphar - Angkasawan Negara Pertama. Dia juga ingin menjadi seorang angkasawan. Tentu lawatan sebegini menaikkan semangatnya lagi untuk menjadi angkasawan Melayu pertama yang ke Planet Neptune pula.

Tapi Roslan tak pasti dari mana dia nak mencari duit lebih lagi. Bukan sedikit. Semua sekali hampir RM300. Dengan RM300 itulah biasanya Roslan gunakan untuk membayar sewa rumah flat mereka di tengah-tengah pinggir urban bandar kosmopolitan. Ini tidak lagi termasuk belanja dapur, duit petrol motorsikal ke pejabat dan belanja poket seharian anak-anaknya ke sekolah.

Roslan menyalakan tivi di hadapannya. Dari satu saluran tivi kepada satu saluran tivi yang lain. Harga petrol naik. Roslan tak kisah walaupun pengumumannya ketika berita jam 12

Serta-merta Roslan mengeluarkan kunci daripada poket seluarnya lalu membuka matanya yang terkunci. Roslan membuka peti sejuk dan mengambil cili api dari laci terbawah peti sejuk lalu kembali ke hadapan tivi dan memasukkan dirinya ke dalam tivi tersebut

ROSLAN MASUK TIVI



tengah malam. Kenaikan harga minyak bukanlah kali pertama apatah lagi kenaikannya untuk kemakmuran negara.

Manakala gaji Roslan pula lebih RM100 daripada paras kelayakkan penerima BR1M. Sedangkan beban yang ditanggungnya setiap bulan bukanlah kepalang sikit. Tapi Roslan tetap berusaha menambahkan pendapatan dengan menjual tempyek dan kerepek secara kecil-kecilan di tempat kerjanya.

Roslan memicit-micit lagi punat kawalan jauh tivi. Matanya kuyu hampir terlepas hingga matanya terkunci kepada siaran ulangan bual bicara bersama pakar. Isunya kali ini ialah "Bijak Ekonomi Di Aidilfitri".

Beberapa tips telah digariskan oleh pakar tersebut termasuklah yang terakhir iaitu saranan tidak pulang ke kampung pada Aidilfitri. Bukan sahaja jimat duit minyak, belanja kuih raya malahan duit raya juga tidak perlu dikeluarkan.

Serta-merta Roslan mengeluarkan kunci daripada poket seluarnya lalu membuka matanya yang terkunci. Roslan membuka peti sejuk dan mengambil cili api dari laci terbawah peti sejuk lalu kembali ke hadapan tivi dan memasukkan dirinya ke dalam tivi tersebut.

"Nah, rasakan kau cili api ni!"

Namun sebaliknya, Roslan sendiri tertanya-tanya kecelakaan apakah yang menimpa negeri bertuah ini? Sesudah pesawat milik Malaysia hilang tanpa bayang, pesawat lain pula ditembak oleh bayang-bayang yang sehingga kini tidak diketahui siapa sebenarnya dalang

dalam kotak tivi empat segi sama.

Sebagaimana Roslan memasukkan dirinya ke dalam lembah jerlus hutang pinjaman peribadi, dia tidak tahu bagaimana ingin keluar daripada lembah tersebut.

Tinggallah Roslan di dalam kaca tivi, sebuah dunia seribu fantasi seperti dunia utopia yang bijaksana dan penuh intelektualisme. Kestabilan ekonomi, perdagangan tanpa inflasi, kereta terbang bebas minyak bahan pembakar, sifar kesan rumah hijau dan penguin serta anjing laut hidup sebagaimana hidupan di Kutub Utara seharusnya hidup.

Semuanya seperti yang telah dicanangkan sebelum tertanamnya kapsul Wawasan 2020. Seperti digambarkan di kaca tivi juga tatkala Roslan masih lagi kecil dan difantasikan masa hadapan yang utopia.

Sungguhpun pada hakikatnya, Roslan tidak mengerti apa-apa teori ekonomi, dan dia bukanlah siapa-siapa melainkan kerani kontrak yang disambungkan kontraknya tahun demi tahun oleh majikan.

Seingat Roslan, sepatutnya, lima tahun kurang daripada tahun 2020, Malaysia sudah

masuk Piala Dunia. Paling tidak yang bakal diadakan di Moscow, Rusia pada tahun 2018. Kereta nasional menjadi setaraf kereta kontinental dan kestabilan ekonomi dan negara.

Namun sebaliknya, Roslan sendiri tertanya-tanya kecelakaan apakah yang menimpa negeri bertuah ini? Sesudah pesawat milik Malaysia hilang tanpa bayang, pesawat lain pula ditembak oleh bayang-bayang yang sehingga kini tidak diketahui siapa sebenarnya dalang.

Kehilangan kapal di perairan Johor, kehilangan wang di dana dan apa yang menjadi kehairanan Roslan sendiri ialah kehilangan moral, integriti, kejujuran, toleransi sesama insani yang tidak diketahui siapa ke mana hilangnya.

Roslan sendiri juga tidak mengerti mengapa wujud demagogi yang suka memprovokasi sensitivi kaum dan agama. Bagaimana etika pemakaian baju ke kelab malam atau ke kandang mahkamah dihormati tetapi tidak di pejabat seperti pakai apa sahaja asalkan tidak bertelanjang?

Roslan tidak mengerti. Kusutnya dia lagi mengenangkan saudaranya di Kelantan yang masih tinggal di khemah selepas bah besar dan iparnya di Sabah yang terkejut dengan gegaran gempa bumi.

Apa yang Roslan tahu, dia harus keluar daripada tivi ini setelah mencirikan keceluparan mulut pakar tersebut. Ramai lagi yang ingin Roslan cilikan mulutnya tetapi hidup penuh kesempitan, Roslan juga tidak punya banyak cili di dalam peti sejuk.

Apa yang Roslan tahu juga anaknya ingin menjadi angkasawan Melayu pertama ke Planet Neptune. Cita-cita Roslan ialah melihat cita-cita anaknya terlaksana. Mahu tak mahu Roslan mesti keluar dari kaca tivi ini dan menyerahkan duit bayaran ke Petrosains nanti.

"Ibu, Roslan dah cilikan mulut dia. Boleh ibu tolong keluarkan Roslan daripada tivi ni?"

Roslan sedar di bawah kesesakan hidup ini, sejauh mana dia berkelana ke kota dan akhirnya terperangkap di dalam tivi, kepada ibunya sahaja dia kembali.

Kirim cerpen dan puisi kepada seniselangor@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang

OLEH AFIX REDZUAN

Zahir indah, batin terseksa

Chechnya: Derita tiada penghujung

Kesengsaraan yang dihadapi Pelarian Chechnya sejak puluhan tahun masih belum menjangkau ke titik penghujung.

Tanpa berselindung, ia terpancar jelas diraut wajah mulus yang masih mengharapkan belas ihsan warga dunia supaya mengerti apa itu keharmonian hidup.

Tiada peluang terbuka, tiada bentangan permaidani indah di singgahsana hanya keperitan sebatu di jiwa menyentuh sanubari lara.

Jauh di sudut hati mereka, segala sekatan yang dihadapi hanyalah rencah dunia bagi menguji keimanan sebagai seorang Muslim.

Tanpa gaya hidup mewah, ihsan yang diterima daripada saudara seagama membuatkan mereka gembira.

Bantuan barangan keperluan yang menjengah di hadapan kediaman mereka disambut dengan tangan terbuka.

Cuba menyembunyikan sebak di dada, namun ia tetap tumpah perlahan-lahan tanpa perlu bicara.

Dakapan erat yang diberikan sebagai tanda terima kasih cukup bagi menggambarkan bahasa syukur di atas keprihatinan yang diberikan.

Dalam kepayahan dan keperitan, wanita Chechnya dikurniakan Allah dengan kesuburan luar biasa.

Tanpa rasa malu, mereka bangga dengan jumlah zuriat kurniaan Maha Esa walaupun berdepan keperitan membesarkannya di dunia.

Itulah sisi hebat kurniaan Allah SWT yang akan terus memberikan kekuatan buat wanita Chechnya melahirkan pejuang agama daripada rahim mereka yang akan bangkit mengembalikan negara itu daripada cengkaman dunia tidak setara.

Ada yang sebaya dengan penulis, ada yang masih muda. Tapi nikmat yang mereka lalui nyata berbeza.

Menjadi Muslim di negara hampir 99 peratus beragama Kristian tidak mematahkan iman mereka untuk kekal di jalan Allah.

Benar, iman tidak dapat diwarisi dari seorang ayah yang bertaqwa. Namun jati diri sebagai Muslim harus dipertahankan dengan ilmu di dada.

Tanpa rasa malu mereka duduk mahu belajar mendalami Islam dengan lebih teratur.

Kemudahan yang ada mungkin kurang selesa, belajar dan terus belajar tetap menjadi fokus utama.

Kelas agama direncana supaya mereka memperkemas fahaman terhadap Islam dengan kehadiran guru yang tidak mengharap ganjaran dunia melainkan redha dan balasan yang Maha Esa.

Jerih payah dilalui tidak menghalang kewujudan kelas agama di Poland buat bangsa Chechnya yang berada di bawah lindungan UNHCR.

Dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) Muslim dari serata dunia, kini mereka mampu berteduh menimba ilmu walaupun terpaksa menyewa.

Tanpa kenal erti putus asa, pegangan agama yang kukuh sahaja mampu menjadi benteng akhir



menghadapi penindasan dunia.

Mungkin mereka tidak seceria kita dalam menikmati harta dunia, namun semangat kebangkitan hanya mampu dicagar dengan nyawa.

Walaupun terpaksa berhimpun seramai 20 orang dalam sebuah rumah bagi mereka itu tidak mengapa asalkan sebangsa, mereka kekal bersama.

Mereka tiada pilihan, terpaksa mengharunginya sehingga dewasa, bahkan ada yang akhirnya terpaksa berdikari di luar, namun birokrasi merencatkan segalanya.

Polisi Kerajaan Poland yang tidak membenarkan warga asing bekerja terlalu menyempitkan peluang mereka berasa selesa.

Sewa rumah bukan sentiasa ditaja, perut juga perlu diisi bila tiba masa. Namun keangan mengajar mereka untuk biasa dengan keadaan semasa.

Sayu melihat seorang wanita bersama empat orang anak yang masih kecil.

1,000 Zloty sebulan sewa rumah yang perlu dibayar, tanpa



peluang kerja, bahkan suami pula hilang entah ke mana.

Tidak terbayang kesengsaraan mereka. Pastinya sebak di dalam dada melihat anak kecil yang tidak berdosa ditindas sedemikian rupa.

Kemunculan NGO Muslim Care Malaysia (MCM) yang membawa nama negara mendekati umat Islam antarabangsa sangat membanggakan.

Melalui hasil sumbangan yang dihulurkan, ia sangat bermanfaat buat MCM meneruskan kerja-kerja dakwah membantu umat Islam yang terhimpit kesusahan.

Ada yang bertanya mengapa MCM sibuk membantu umat Is-

lam antarabangsa sedangkan ramai lagi orang susah di Malaysia.

Jawapannya mudah, walaupun susah di Malaysia tetapi masih ada agensi kerajaan dan jiran tetangga yang tampil menghulurkan bantuan.

Bagi Muslim antarabangsa, mereka hanya bergantung kepada sokongan pihak luar yang prihatin dengan kesengsaraan mereka.

Janganlah kita mempersoalkan usaha NGO dari Malaysia yang berani ke hadapan membawa hasil sumbangan kita.

Mungkin nilai sumbangan kita kecil namun besar ertinya bagi golongan yang memerlukan.



Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat

Untung jadi rakyat Selangor

OLEH NAEEM RAFFI

Sukar untuk mempercayai, bungkusan kotak berisi barang keperluan asas diribanya kiriman ikhlas dan khas daripada Dato' Menteri Besar Selangor.

Masakan tidak, warga emas lebih setengah abad itu bukannya rakyat Selangor tetapi mengapa bungkusan itu menerjah jauh ke kampungnya di Kuantan, Pahang.

Dibeleg-beleg kotak itu, akhirnya Nordayati Mohamad Tahir, 60, akur selepas membaca label pelekat di bungkusan yang tertera Ramadan Kareem sumbang-an Mohamed Azmin Ali.

Anak jati Gambang itu termenung seketika sebelum beru-paya menerbitkan kata.

"Jauhya (kotak ini) datang. Tapi makcik tak pernah memohon apa-apa sebelum ini dari Selangor," katanya yang sedikit bingung.

Cuba merungkai, penulis menjelaskan bantuan itu adalah sebahagian daripada dasar peduli rakyat yang diterapkan Selangor dalam memanfaatkan ke-

kayaan negeri.

Rezeki yang melimpah ruah itu hasil urus tadbir telus dan kemimpinan yang amanah hingga membolehkan Selangor tidak terlepas membantu rakyat negeri lain.

Matanya membulat besar, seakan terpesona apabila diberitahu warga emas di Selangor menerima RM100 untuk membeli belah (Jom Shopping), RM2,500 untuk skim khairat kematian (SMUE), bahkan program peduli rakyat itu bermula saat bayi dilahirkan.

Malah, pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan juga diberi insentif RM500 iaitu sebahagian daripada program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilancarkan sejak 2008.

"Dapat sekotak barang ini pun sudah gembira tak terkata, inikan pula jika terima macam-macam bantuan.

"Untunglah rakyat (Selangor) di sana. Mak cik doakan rakyat Selangor terus sejahtera dan maju di bawah kerajaan yang adil serta amanah ini," katanya.

Nordayati yang mesra dengan

“Dapat sekotak barang ini pun sudah gembira tak terkata, inikan pula jika terima macam-macam bantuan. Untunglah rakyat (Selangor) di sana. Mak cik doakan rakyat Selangor terus sejahtera dan maju di bawah kerajaan yang adil serta amanah ini

NORDAYATI MOHAMMAD TAHIR
Penerima Bantuan



Pak Jabit (kanan) antara aktivis masyarakat membantu memunggah 200 pek agihan

panggilan Mak Dayah mengakui dirinya tidak pernah menerima sebarang bantuan seumpama itu sebelum ini.

Sejak berpisah dengan suaminya 27 tahun lalu, dia melakukan pelbagai pekerjaan termasuk bekerja kilang bagi menyara kehidupannya sebelum diserang angin ahmar dua tahun lalu.

Selepas berubat kampung, penyakitnya beransur hilang. Berbekalkan kudrat tua yang tersisa, Mak Dayah gagahkan juga mencari rezeki menyapu pengilat kayu di kilang papan berdekatan rumahnya.

"Nasib baik ada pemilik kilang yang masih sudi menggajikan makcik,"ujarnya yang sukar ditangkap setiap butir kata kerana loghat tempatan yang pekat ditambah lidahnya yang 'telo' kesan strok.

Selain Mak Dayah, 149 penerima senasib dengannya turut menerima pek bantuan Jelajah Ramadan, Peduli Rakyat dari Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor bagi wilayah Pahang Timur, di Masjid

Al-Khairiah Batu 7, Kuantan, baru-baru ini.

Kesempatan berbual dengan Mak Dayah, mengingatkan penulis bahawa kegembiraan hanya akan dikecapi jika nikmat yang dimiliki itu dikongsi bersama.

Program tiga hari bermula 7 hingga 9 Julai lalu turut menerjah Temerloh sebelum ke Kuala Terengganu, Terengganu dan Machang, Kelantan bagi mengagihkan 1,200 pek bantuan yang dimuatkan dalam dua lori 10 tan dari Shah Alam.

Gua Musang menjadi lokasi terakhir misi bantuan sejauh 850 kilometer itu, sekali gus melengkapkan sumbangan 5,000 pek bantuan Ramadan dan Aidilfitri di 31 lokasi yang turut melibatkan wilayah utara dan selatan.

Sepanjang berada di sana, penulis banyak menerima reaksi positif penduduk setempat, memuji keprihatinan Selangor membantu rakyat walaupun melangkai sempadan negeri.

"Fenomena luar biasa, seluruh negara menerima manfaat sebuah

negeri yang sangat prihatin.

"Semua ini tidak akan berlaku tanpa cakna dan ikhlas daripada kelebihan juga kekayaan yang dimiliki untuk dikongsi bersama rakyat," kata artis veteran, Abd Kadir Manap yang lebih popular dengan gelaran Pak Jabit iaitu pelakon filem Komedi, Zombie Kampung Pisang.

Pak Jabit berada di Pekan Lanchang, Temerloh sebagai aktivis masyarakat membantu memunggah pek agihan Ramadan turun dari lori untuk diagihkan kepada 200 asnaf di wilayah Pahang Barat dan Pahang Tengah.

Program itu bertujuan meredakan beban rakyat menyambut Ramadan dan membuat persediaan Aidilfitri.

Apa yang penting, agihan bantuan kepada golongan memerlukan ini dilakukan secara adil tanpa mengira fahaman politik.

Walaupun sumbangannya tidak seberapa, namun nilai kebersamaan dan kepedulian tinggi kepada yang memerlukan pembelaan menjadi objektif utama penganjur.



TERENGGANU



KELANTAN

Musnahkan pembiakan Aedes sebelum balik raya

ORANG ramai diseru memastikan persekitaran rumah mereka bebas pembiakan nyamuk Aedes sebelum pulang bercuti raya.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Muhammad Azli Miswan berkata, penduduk perlu memastikan tiada air bertakung di dalam dan luar rumah.

"Pastikan bekas digunakan untuk tujuan menyimpan air tidak membolehkan nyamuk aedes membiak.

"Bekas itu perlu ditutup rapat atau dimasukkan ubat pembunuh jentik nyamuk," katanya dalam satu kenyataan.

Sebelum ini, Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi turut mengingatkan semua pihak untuk memastikan kebersihan persekitaran rumah sebelum bercuti panjang.

Katanya, langkah itu bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes seterusnya mengundang peningkatan kes demam denggi.

MPSJ sedia kaunter bergerak bayar cukai

WARGA Subang Jaya kini berpeluang membuat semakan dan bayaran cukai taksiran menerusi kaunter bergerak.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Muhammad Azli Miswan berkata perkhidmatan lain turut disediakan iaitu daftar keahlian my@mpsjs, urusan pindah milik dan semak serta bayar kompaun trafik MPSJ.

"Semoga orang awam memanfaatkan peluang disediakan sebaik mungkin," katanya dalam satu kenyataan.

Pada 25 dan 26 Julai serta 1 dan 2 Ogos ini, kaunter bergerak MPSJ akan berada di Pusat Membeli Belah Jusco Taman Equine.

Sementara itu, pada 8, 9, 15 dan 16 Ogos pula, kaunter bergerak akan singgah di Pusat Membeli Belah IOI, Puchong sebelum ke Pusat Membeli Belah Giant, Putra Heights pada 22, 23, 29 dan 30 Ogos sebagai lokasi terakhir.

Lapor aduan MBPJ semudah ABCD

OLEH NORHAYATI UMOR

PETALING JAYA - 'Semudah ABCD.', orang ramai kini boleh mengemukakan aduan menggunakan saluran tepat kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk diambil tindakan segera.

Ketua Unit Aduan Awam MBPJ, Oon Chong Ling berkata aduan terbabit disalurkan kepada unit yang bertanggungjawab mengikut konsep ABCD.

Katanya, antara aduan per-

khidmatan seperti penyelenggaraan parit, longkang, sampah sarap, jalan berlubang, lampu jalan, rumput panjang dan sebagainya.

"Kita menggunakan pakai konsep semudah ABCD iaitu aduan, bahagian MBPJ, 'Counsellor' dan Datuk Bandar. Ia bermakna setiap aduan diserahkan kepada bahagian terbabit untuk tindakan, jika ia tidak diendahkan kita akan terus ke Ahli Majlis seterusnya Datuk Bandar.

"Aduan diterima diambil tin-

dakan oleh MBPJ dalam tempoh 48 jam dan selewatnya-lewatnya dua minggu berdasarkan skop dan kesulitan aduan yang diterima," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata Standard Operating Procedure (SOP) dan Service Level Agreement (SLA), jawatankuasa dibentuk untuk menggunakan pengelasan empat tahap keseriusan aduan awam iaitu tahap kritikal, segera, biasa dan tidak kritikal.

"Sejak dilaksanakan November lalu, MBPJ berjaya menyele-

saikan lebih 2,000 aduan yang dikemukakan. Setakat tahun ini, aduan mengenai sisa pepejal paling banyak diterima mem-babitkan 3,749 aduan," katanya.

Aduan boleh disalurkan 24 jam melalui Hotline di talian 03-79542020 atau Talian Am 03-79563544 sambungan 118,117,115.

Selain itu, melalui email di aduan@mbpj.gov.my atau sistem pesanan ringkas di 33213, Faks 03-79551804 atau Facebook MBPJ Aduan.



Penguatkuasa MPAJ menahan beberapa kanak-kanak dipergunakan disyaki untuk mengemis ketika melaksanakan operasi di sekitar Ampang

MPAJ laksana Ops Selamat Pengemis

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengadakan Operasi bersepadu Menyelamat Pengemis pada 30 Jun lalu sekitar kompleks Ampang Point, Kompleks Muhibbah, Bandar Baru Ampang dan Pandan Indah.

Pegawai Komunikasi Korpo-

rat, Norhayati Ahmad, berkata seramai 24 orang pengemis berjaya diselamatkan yang terdiri daripada 11 lelaki dan 13 perempuan.

"Sembilan orang darinya merupakan orang Melayu dan warganegara Malaysia manakala 15 orang lagi adalah wargane-

gara Myanmar.

"Kesemua mereka diserahkan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat (PKMDHL), Pejabat Agama Daerah (PAID), Jabatan Imigresen Negeri Selangor dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk tindakan selanjutnya," kata-

nya dalam kenyataan media.

Operasi dilaksanakan dengan kerjasama dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKMNS), PKMDHL, PAID, AADK, Jabatan Imigresen Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS), Polis dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

RM1 juta naik taraf PPR Kampung Baru Hicom

SHAH ALAM - Syarikat Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd (PHSSB) memperuntukkan kira-kira RM1 juta untuk menaik taraf pangsapuri PPR Kampung Baru Hicom.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan

Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad, berkata kos itu digunakan untuk mengecat pangsapuri dan menambah baik beberapa infrastruktur.

"Asalnya Kerajaan Persekutuan menawarkan bantuan baik pulih bangunan ingin mengecat se-

mula pangsapuri tetapi menarik tarik balik niat itu di saat akhir.

"Kerajaan Negeri bersetuju dan bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan jika ia memberi kebaikan kepada rakyat," katanya sewaktu program Sumbangan Bantuan Zakat

dengan kerjasama PHSSB pada 8 Julai lalu.

Iskandar berkata, antara kemudahan lain dinaik taraf seperti tempat letak motosikal berbung dan kemudahan sukan seperti gelanggang futsal dan gelanggang badminton.

Pembersih udara teknologi terkini UNISEL

Arab Saudi tempah 100,000 unit

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Pembersih udara berteknologi terkini yang dibangunkan sekumpulan penyelidik Universiti Selangor (UNISEL) dijangka mampu memberi pendapatan tambahan kepada universiti itu dan Kerajaan Negeri.

Pembersih atau electrolyzer udara berjenama Airys itu tidak menggunakan bahan kimia dan berpotensi besar dipasarkan secara meluas di dalam juga luar negara.

Naib Presiden UNISEL, Profesor Dr Mokhtar Abdullah, berkata produk yang menggunakan teknologi mesra alam sekitar itu dibangunkan selepas mendapat geran bernilai RM300,000 daripada Kerajaan Negeri.

"Walaupun ia menggunakan teknologi dan kepakaran tempatan tetapi produk ini berpotensi besar kerana kita sudah dapat tempahan awal kira-kira 100,000 unit dari Arab Saudi.

"Selain pasaran luar negara, rangkaian sebuah hospital swasta


dan beberapa kilang dalam negara juga menunjukkan minat menggunakan produk ini di premis masing-masing kerana lokasinya memerlukan udara persekitaran bersih," katanya ketika ditemui Selangor Kini, pada 7 Julai lalu.

Katanya, produk yang dibangunkan dengan kerjasama syarikat tempatan itu dijangka memasuki pasaran selewat-lewatnya, September atau Oktober ini.

"Electrolyzer udara ini akan dijual pada harga RM1,500 seunit untuk pasaran tempatan dan antara USD1,500 hingga USD2,000 bagi luar negara," katanya.

Sementara itu, Presiden UNISEL, Profesor Dr Anuar Ahmad pula memberitahu, pembersih udara yang dibangunkan itu akan dipatenkan dalam masa terdekat bagi mengelakkan hak ciptanya dicuri pihak tidak bertanggungjawab.

"Buat masa ini, kita tidak boleh mendedahkan terlalu banyak berkenaan produk ini sebab ia perlu dipatenkan secepat mungkin," katanya.



70% pensyarah PhD 2020

SHAH ALAM - UNISEL meletakkan sasaran 70 peratus pengajarnya mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) menjelang 2020, kata Presidennya, Prof Dr Anuar Ahmad.

Dr Anuar berkata, UNISEL sudah menghantar lebih 100 pelajar mereka ke beberapa Universiti luar negara untuk menamatkan pengajian peringkat PHD masing-masing bagi merealisasikan hasrat itu.

"Kita sudah hantar lebih 100 pelajar untuk tamatkan pengajian di luar negara peringkat PHD. Selepas ini, kita akan mempunyai lebih ramai tenaga pengajar.

"Lebih membanggakan saya, lima fakulti pelajarannya mendapat GPA lebih 3.5. Ini menunjukkan pelajar kita rajin dan pensyarah mengajar dengan penuh komitmen," katanya.

Sementara itu, Exco Pendidikan, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata Kerajaan Negeri membelanjakan lebih RM60 juta untuk menambahkan infrastruktur di dua kampus UNISEL, tahun lalu.



Prof Dr Anuar Ahmad

200 pelajar terima manfaat biasiswa Al-Quran

SHAH ALAM - Lebih 200 mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menerima manfaat biasiswa pendidikan Al-Quran berjumlah RM5 juta yang disediakan Kerajaan Negeri.

Timbalan Rektor, Pengurusan Korporat Pembangunan dan Pengantarabangsaannya, Dr Zulkifli Abd Hamid, berkata penubuhan Tabung Biasiswa Pendidikan Tahfiz Wal Qiraat itu membantu KUIS ke arah menjadi hub bagi melahirkan huffaz khususnya di Selangor.

"Ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri yang sentiasa mendepani usaha memelihara dan mendaulatkan Al-Quran serta pembangunan pendidikan bidang itu.

"la mendatangkan manfaat kepada 142 mahasiswa peringkat diploma dan 92 lagi ijazah sarjana muda dalam bidangnya," katanya kepada Selangor Kini.

Zulkifli berkata, semua mereka ditaja sepenuhnya oleh tabung biasiswa meliputi yuran pengajian, kos penginapan dan wang sara diri.

Katanya, penubuhan tabung biasiswa itu membuktikan Kerajaan Negeri sangat memelihara Al-Quran dan mencari keredaan Allah menuju sebuah negeri yang makmur.

"KUIS merakam penghargaan tertinggi kepada Kerajaan Negeri dalam usaha murni ini. Semoga Selangor akan sentiasa dilimpahi rahmat dengan keberkatan Al-Quran," katanya.



Keunggulan gaya kehidupan.

La Thea memberi ruang yang mewah, baik di luar mahupun di dalam untuk bersantai serta menikmati gaya kehidupan yang unggul.

- Harga dari RM439,704
- Keluasan binaan daripada 787 hingga 1,205 kps
- Setiap unit didatangi dengan 2 tempat letak kereta
- Kunci digital untuk pintu depan

Untuk pertanyaan, hubungi **03-8944 9999**

www.ioiproperties.com.my/16sierra/lathea
www.facebook.com/16sierra

Pendangul Penasihat: IOI PROPERTIES

Portaju: LUSH DEVELOPMENT SDN. BHD. (No. SyM 34835-D) (Wakil Kumpulan IOI Properties Group Bhd) ML, Two IOI Square, IOI Resort, 62502 Putrajaya, Malaysia.

Pejabat Jualan & Pemasaran: IOI GALLERIA@16 SIERRA Persiaran Sierra Utama, Bandar 16 Sierra, 47110 Puchong, Selangor D.E. Tel: 03-8944 9999 Faks: 03-8944 9959 Email: 16sierra.marketing@ioigroup.com

Koordinat GPS: 2.969613, 101.654731

• Jenis: Kondominium • No. lesen Perumahan & Jualan: 11100-S/CS-2015/01206 • Tarikh Sale: 06/05/2015 - 07/05/2016 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Plan Bangunan: Majlis Perbandaran Sepang • No. Pijukan Plan Bangunan: MPSPG.9/D/469/12 • Tarikh Dijangka Sap: Julai 2016 • Hakmilik Tanah: Pajakan 99 Tahun (Tempoh Tamat: 17/05/2106) • Bebanan Tanah: Tada • Jumlah Unit: 526 unit • Harga: RM496,000 (Min) - RM760,800 (Maks) • 7% Diskaun Untuk Bumiputera • Skema Kepingatan: Tanah ini tak boleh dipindah milik, dipajak atau dipajak melarikan dengan kebebasan Pihak Berkuasa Negeri. • Segala maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk pada perubahan, sebagaimana dikendalikan oleh pihak berkuasa atau pakar penunding pihak pembeli, dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada apa-apa tawaran atau kontrak. Semua lokasi adalah hasil tanggapan pelika sahaja.

Lega dapat bantuan HIJRAH

SUNGAI BULOH - Keprihatian Kerajaan Negeri terhadap golongan wanita sangat dihargai terutama bagi golongan peniaga ekoran kemudahan yang diperoleh melalui skim pinjaman HIJRAH.

Pemilik Restoren Sha-Sya Delight, Siti Salwa Abd Razak, berkata dia sangat kecewa dengan skim Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang mengenakan syarat ketat hingga gagal memperolehnya selepas beberapa kali naik turun pejabat berkenaan.

Siti Salwa, 42, berkata, usahanya untuk memohon pinjaman bank turut hampa apabila syarat yang dikenakan begitu ketat termasuk memerlukan penjamin.

Namun, dia bernasib baik apabila seorang rakan perniagaan memperkenalkan pinjaman HIJRAH yang diperkenalkan Kerajaan Selangor.

"Asalnya saya berniaga di gerai tepi jalan sahaja. Kemudian buka restoran dan melalui HIJRAH dapat naik taraf perniagaan ini seperti sekarang.

"Saya dah cuba pinjam TEKUN, susah nak dapat. Jumpa wakil BN pun tak dapat tetapi berlainan dengan HIJRAH kerana sekali cuba dah berjaya, bahkan boleh nampak niat mereka nak membantu," katanya kepada Selangor Kini.

Dia yang mengusahakan restoran di Denai Alam itu memperoleh pinjaman HIJRAH kira-kira tiga bulan lalu.

Sementara itu, seorang lagi peniaga makanan, Salmah Saat, 53, berkata dia berterima kasih kepada pegawai HIJRAH yang bersungguh-sungguh membantu golongan terbabit yang memerlukan bantuan.

"Walaupun syaratnya tidak



“Asalnya saya berniaga di gerai tepi jalan sahaja. Kemudian buka restoran dan melalui HIJRAH dapat naik taraf perniagaan ini seperti sekarang

SITI SALWA
Pemilik Restoren Sha-Sya Delight



Salmah Saat

ketat seperti TEKUN atau pinjaman bank tetapi pegawainya bersungguh-sungguh tolong kami," katanya.



Kekurangan kemudahan wad

Sedia pakar dan keperluan asas mencukupi

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kekurangan kemudahan di wad bersalin di hospital milik kerajaan perlu diberi perhatian serius oleh Kementerian Kesihatan, kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Daroyah berkata, kemudahan bersalin adalah keperluan asas kepada golongan wanita yang perlu disediakan dan diberi perhatian.

Katanya, ia juga mesti dilengkapi dengan pakar perbidanan, sakit puan serta pegawai dan petugas yang mencukupi.

"Kementerian mesti ambil maklum isu ini. Jangan sampai ada yang bersalin atas lantai kerana hospital kekurangan katil.



Gambar: Hifsan

"Jika perkara itu berlaku, ia seakan menghina golongan wanita yang berkorban untuk melahirkan zuriat," katanya kepada Selangor Kini.

Sebelum ini, Selangor Kini menerima aduan berkenaan pengalaman wanita bersalin di hospital kerajaan yang terpaksa menunggu lama untuk dimasukkan ke wad bersalin.

Mereka mendakwa terpaksa menunggu di kerusi yang disediakan sebelum dilayan dan dimasukkan ke wad, bahkan adakala menunggu sehingga dua malam.

Keadaan tidak selesa itu memberikan pengalaman pahit untuk wanita selain ada yang merasakan tidak mahu bersalin lagi ekoran kesusahan yang dialami itu.



“Kementerian mesti ambil maklum isu ini. Jangan sampai ada yang bersalin atas lantai kerana hospital kekurangan katil. Jika perkara itu berlaku, ia seakan menghina golongan wanita yang berkorban untuk melahirkan zuriat

DR DAROYAH ALWI
Exco Kesihatan

Fast Track bela wanita teraniaya

SHAH ALAM - Proses mempercepat cerai atau 'fast track' untuk pasangan Islam di Selangor mampu membela golongan wanita daripada terus teraniaya, kata Adun Taman Medan, Haniza Talha.

Haniza berkata, kebanyakan kes perceraian bagi setiap pasangan mengambil masa panjang dan wanita sering berhadapan masalah atau kesukaran.

Katanya, ia juga mampu memastikan kehidupan keluarga terutama anak tidak terjejas sepanjang proses perceraian berlaku.

"Perkembangan yang menarik kerana selalunya proses agak su-

kar terutama jika pihak lelaki suka menangkukannya.

"Jadi, saya nampak ia satu penyelesaian kepada kes isteri yang memohon cerai apabila ada 'fast track' ini," katanya kepada Selangor Kini.

Terdahulu, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) memperkenalkan proses mempercepat cerai dalam tempoh enam jam buat pasangan yang bersetuju untuk berpisah.

Sebelum ini, kes perceraian bagi pasangan yang bersetuju berpisah mengambil masa kira-kira tiga bulan atau 90 hari untuk diselesaikan bermula daripada kes didaftarkan sehingga

perintah bertulis dikeluarkan mahkamah.

Pada masa sama, Haniza turut menafikan kaedah 'fast track' menggalakkan lebih banyak kes perceraian di negeri itu.

Katanya, ia boleh dipantau semula dari masa ke masa berdasarkan kes jika didapati disalahgunakan pihak tertentu.

"Mungkin ada pihak yang menggunakan cara ini untuk kepentingan, tetapi ia lebih kepada manfaat buat wanita yang dizalimi.

"Cara ini dilihat sebagai penyelesaian untuk kes tertanggung yang banyak membebankan wanita," katanya.



Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang juga Adun Bukit Antarabangsa menyampaikan cenderahati kepada DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah yang berkenan merasmikan Masjid Bukit Antarabangsa.

Sultan berkenan rasmi Masjid Bukit Antarabangsa

GOMBAK - DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan Masjid Bukit Antarabangsa, di sini ketika Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya.

Dalam program itu, baginda turut menyampaikan sumbangan kepada asnaf dan golongan kurang berkemampuan bagi persiapan menyambut Aidilfitri, pada 2 Julai lalu.

Hadir sama, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammad Khusrin Munawi; Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim dan Exco Kerajaan Negeri.

Baginda turut berkesempatan beramah mesra dengan jemaah serta bersama-sama menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Terawih.

Masjid Bukit Antarabangsa diserahkan kepada Jawatankuasa Madrasah Ad-diniyah untuk dioperasikan dengan solat Jumaat pertama diadakan, pada 5 Jun 2009.

Selangor naik taraf Maahad Tahfiz dan SRA

Bina blok baharu dan asrama

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Maahad Tahfiz dan Sekolah Rendah Agama (SRA) di Selangor bakal dinaik taraf membabitkan pembinaan blok baharu serba moden selain dilengkapi kemudahan asrama menjelang 2016.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata usaha berkenaan diambil berikutan kebanyakan institusi pengajian itu berada dalam keadaan daif dan perlu diberi perhatian.

"Kita sedang kenal pasti beberapa Maahad Tahfiz dan SRA untuk dibangunkan dengan blok baharu untuk meneruskan pengajian dengan suasana lebih kondusif.

"Imej dan identiti institusi pengajian ini penting untuk menterjemahkan umat Islam yang bermaruah dan berjaya dalam menegakkan keadilan dan kebenaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Ijtima' Huffaz Selangor kali ke-9 yang menghimpunkan pelajar tahfiz seluruh Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, hasrat itu sudah dipanjangkan kepada Pengarah JAIS dan Exco Agama untuk tindakan susulan.

"Kita akan bangunkan semua ini termasuk menaikan elaun guru Kafa dalam petadbiran Kerajaan Negeri," katanya.

Pada majlis sama, Kerajaan Negeri

bersetuju memperuntukkan RM5 juta bagi membiayai biasiswa pendidikan Al-Quran Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Mohamed Azmin berkata, ketetapan itu diambil bagi meringankan beban keluarga menampung pendidikan anak disebabkan kos sara hidup yang semakin tinggi.

"Huffaz memikul tanggungjawab dan amanah yang sangat berat memelihara isi kandungan Al-Quran, selain menyebarkan perintah Allah supaya umat Islam beroleh rahmat dan keberkatan.

"Pembangunan di Selangor berteraskan pendidikan. Sudah tentu pendidikan Al-Quran ini menjadi keutamaan bagi menjayakan hasrat itu," katanya.

“Imej dan identiti institusi pengajian ini penting untuk menterjemahkan umat Islam yang bermaruah dan berjaya dalam menegakkan keadilan dan kebenaran

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

10 masjid laksana Usrah Keluarga

BERANANG - Modul Usrah Keluarga yang dilancarkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) salah satu usaha dalam melahirkan keluarga bahagia berteraskan Al-Quran dan As Sunnah.

Pengarah JAIS, Datuk Haris Kasim, berkata usaha itu juga dilakukan bagi melestarikan masjid sebagai pusat utama aktiviti kemasyarakatan Islam di Selangor.

"JAIS melalui Bahagian Undang-Undang Keluarga berganding bahu bersama 10 masjid terpilih dalam melaksanakan aktiviti kekeluargaan.

"Modul ini dilancarkan sebagai usaha mendidik masyarakat ke arah kelu-



“16 masjid dipilih bagi menempatkan Fasilitator Pusat Khidmat,

Sosial dan Komuniti bagi membantu pasangan yang mempunyai masalah serta konflik rumah tangga

HARIS KASIM
Pengarah JAIS

arga bahagia berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah," katanya di Masjid Kampung Sesapan Batu, Kampung Sesapan Batu Rembau, di sini, pada 8 Julai lalu.

Pada masa sama, Haris berkata, 16 masjid dipilih bagi menempatkan Fasilitator Pusat Khidmat, Sosial dan Komuniti bagi membantu pasangan yang mempunyai masalah serta konflik rumah tangga.

"Ini bagi memudahkan pasangan yang ingin mendapatkan khidmat nasihat tanpa perlu bersusah payah hadir ke JAIS. Fasilitator dilantik adalah mereka yang memiliki kemahiran pengurusan kaunseling rumah tangga," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
17 - 24 JULAI 2015							
1 - 8 SYAWAL 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
17 Jumaat	5:38	5:48	7:11	1:22	4:46	7:30	8:45
18 Sabtu	5:39	5:49	7:11	1:22	4:46	7:30	8:45
19 Ahad	5:39	5:49	7:11	1:22	4:46	7:31	8:45
20 Isnin	5:39	5:49	7:11	1:22	4:46	7:31	8:45
21 Selasa	5:39	5:49	7:11	1:22	4:46	7:31	8:45
22 Rabu	5:40	5:50	7:11	1:22	4:46	7:30	8:44
23 Khamis	5:40	5:50	7:11	1:23	4:46	7:30	8:44
24 Jumaat	5:40	5:50	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
17 Jumaat	5:40	5:50	7:13	1:24	4:48	7:33	8:47
18 Sabtu	5:41	5:51	7:13	1:24	4:48	7:33	8:47
19 Ahad	5:41	5:51	7:13	1:24	4:48	7:33	8:47
20 Isnin	5:41	5:51	7:13	1:24	4:48	7:33	8:47
21 Selasa	5:41	5:51	7:13	1:24	4:48	7:33	8:47
22 Rabu	5:42	5:52	7:13	1:24	4:48	7:33	8:46
23 Khamis	5:42	5:52	7:13	1:25	4:48	7:33	8:46
24 Jumaat	5:42	5:52	7:13	1:25	4:47	7:32	8:46



TERUJA...
Orang ramai membuat persiapan terakhir menjelang Hari Lebaran di Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Plaza Alam Sentral Shah Alam

SUKMA 2016: Bentuk pasukan juara

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Selangor kini giat memantapkan pasukan supaya mampu memberi cabaran bermakna di kejohanan utama itu dalam membentuk pasukan juara untuk SUKMA 2016.

Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS), Mohamed Nizam Marjugi, berkata perancangan sedang giat dijalankan dan program itu dijangka bermula Ogos ini.

"Kita memberi tumpuan terhadap pembangunan sukan termasuk persiapan dalam menghadapi SUKMA 2016.

"Ia bakal digerakkan dengan beberapa sesi latihan insentif yang dirancang bagi tujuan berkenaan," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berkata, MSNS sudah mengenal pasti beberapa jenis



sukan yang berpotensi bagi punggutan pingat dan tumpuan khusus akan diberikan.

"Antara sukan terbabit ialah olahraga, renang, menembak dan lumba basikal.

"Prestasi atlet terpilih juga akan dinilai dari semasa ke semasa," katanya.

Katanya, MSNS akan menjalankan program itu dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Majlis Sukan Daerah dan

“

Perancangan sedang giat dijalankan dan program itu dijangka bermula Ogos ini

MOHAMED NIZAM
Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan MSNS

beberapa persatuan sukan.

SUKMA 2016 bakal berlangsung di Sarawak dari 22 hingga 31 Julai tahun depan.

Selangor muncul juara sebanyak lapan kali, sekali gus menjadi negeri paling banyak bergelar juara dalam sejarah SUKMA.

Kontinjen Selangor pertama kali bergelar juara pada 1988, diikuti enam kali berturut-turut dari 1996 hingga 2006.

Galeri Shah Alam perlu pembangunan semula

SHAH ALAM - Bangunan Galeri Shah Alam di sini memerlukan proses pembangunan semula supaya semua kegiatan seni mampu digerakkan dengan lebih aktif dan tersusun.

Pengarah Yayasan Seni Selangor, Prof Madya Mohd Said Abu, berkata pembangunan itu wajar dijalankan kerana bangunan sedia ada kini uzur.

"Perkara ini sudah dibangkitkan dalam beberapa sesi perbincangan yang diadakan dengan pihak berkaitan dan diyakini akan diberi perhatian serius.

"Ia penting bagi tujuan itu kerana pembangunan semula seperti pembinaan dan baik pulih bangunan memberi kebaikan kepada kegiatan seni serta penggiatnya," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berkata, pihaknya berharap galeri terbabit kekal di kawasan sedia ada kerana lokasi itu strategik bagi tujuan berkenaan.

Katanya, galeri terbabit menjadi perhatian penggiat dan peminat seni kerana pelbagai



Prof Madya Mohd Said Abu

pameran juga aktiviti dijalankan di situ sejak penubuhannya pada 1991.

"Bangunan lebih 30 tahun ini asalnya bukan galeri tetapi pejabat kebudayaan dan kesenian negeri dan dimiliki Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)," katanya.

Galeri Shah Alam menjadi tumpuan kerana sering dianjurkan pelbagai pameran seni dan lukisan hasil karya penggiat seni tempatan serta luar negara.